



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHD RIZMAN BIN MOHD KHUZAIMI
PELAKON, PENGARAH DAN PENERBIT FILEM TANAH AIR

OLEH:

| | |
|----------------------------------|------------|
| MUHAMMAD HAZIQ BIN ABD RAHMAN | 2021156175 |
| NUR AYU NADHIRAH BINTI ABU BAKAR | 2021340971 |

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2022 – OGOS 2022)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHD RIZMAN BIN MOHD KHUZAIMI
PELAKON, PENGARAH DAN PENERBIT FILEM TANAH AIR

OLEH:

| | |
|----------------------------------|------------|
| MUHAMMAD HAZIQ BIN ABD RAHMAN | 2021156175 |
| NUR AYU NADHIRAH BINTI ABU BAKAR | 2021340971 |

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2022 – OGOS 2022)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t...

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya memberi kami kekuatan untuk melengkapkan tugas berkumpulan Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) ini dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Sebagai persediaan untuk tugas ini, jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah mata pelajaran Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) kami iaitu Puan Nurulannisa Abdullah. Beliau telah banyak membantu dan memberi kami garis panduan yang baik dalam menjalankan tugas ini dan juga telah berusaha memastikan agar segala penyampaian pengajarannya difahami oleh kami.

Ucapan terima kasih kepada rakan-rakan sekelas kami yang banyak memberi sokongan dan kerjasama yang erat kepada kami semasa proses menyiapkan tugas ini. Terutamanya, memberikan cadangan dan komen-komen yang berharga mengenai laporan kami yang memberi kami inspirasi untuk meningkatkan kualiti tugas ini. Budi baik rakan-rakan semua, kami ucapkan berbilang terima kasih. Tanpa mereka mungkin kami tidak dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga kepada semua orang yang telah membimbing kami secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyelesaikan tugas ini, kami ucapkan berbilang terima kasih dan setinggi penghargaan kepada mereka yang terlibat. Sekian, Wassalam.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini telah dilakukan bersama tokoh seniman Malaysia iaitu Mohd Rizman bin Mohd Khuzaimi atau juga dikenali sebagai Riezman Khuzaimi untuk mengetahui tentang kerjaya beliau dalam bidang lakonan, pengarah dan penerbit filem di Malaysia. Temubual ini telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet. Tarikh temubual tersebut adalah pada 28 Jun 2022 dengan hari Selasa bermula jam 10 pagi sehingga 12 tengahari. Tujuan temubual ini adalah untuk mengkaji latar belakang, sejarah hidup dan sumbangan beliau sepanjang bergelar sebagai seorang penggiat seni lakonan, pengarah dan penerbit filem. Hasil temubual menyatakan bahawa beliau mula bergelar seorang pelakon pada tahun 90-an. Sepanjang pembabitan dalam bidang lakonan, beliau pernah membintangi filem yang berjudul 'Congkak' hasil arahan daripada Ahmad Idham pada tahun 2008. Filem tersebut telah mendapat perhatian dari negara-negara luar seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand dan pernah ditayangkan dipanggung Covent Garden, London. Selain daripada itu, beliau juga pernah membintangi filem antarabangsa seperti 'Skyline Cruisers' yang berasal dari Hong Kong pada tahun 2000, arahan daripada Wilson Yip Wai-Shun. Beliau turut menjadi pembantu pengarah bagi filem Mencari Cinta yang ditayangkan pada tahun 2013.*

Kata kunci: *Industri Perfileman Tempatan, Riezman Khuzaimi, Filem Congkak, Pelakon, Pengarah.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKA SURAT |
|--|------------|
| Penghargaan..... | 4 |
| Abstrak..... | 6 |
| Isi Kandungan..... | 8 |
| Biodata Tokoh..... | 10 |
| Pengenalan..... | 12-13 |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh..... | 16-18 |
| Bahagian 2: Sejarah Pendidikan..... | 19-22 |
| Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya..... | 23-43 |
| Bahagian 4: Cabaran..... | 44-45 |
| Bahagian 5: Pencapaian dan Anugerah..... | 45 |
| Bahagian 6: Sumbangan | 46-51 |
| Bahagian 7: Perkembangan Terkini..... | 52-56 |
| Bahagian 8: Pendapat Dan Pandangan..... | 57-64 |
| Bahagian 9: Harapan..... | 65-69 |
| Lampiran | |
| Log Wawancara..... | 72-88 |
| Diari Kajian..... | 89-95 |
| Senarai soalan..... | 96-114 |
| Surat Perjanjian..... | 115 |
| Gambar..... | 116 |
| Indeks..... | 117-119 |

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi

Umur : 52 Tahun

Tarikh lahir : 12 Mac 1970

Pekerjaan : Pelakon, Pengarah, Penerbit

Tempat tinggal : Shah Alam, Selangor

Kampung Asal : Taiping, Perak

No. Telefon : 0132866400

Nama Isteri : Datuk Normaziah Sheikh Mohammad

PENGENALAN

PENGENALAN

Tidak ada jalan yang mudah untuk menempatkan nama dalam bidang lakonan. Beliau merupakan seorang pelakon veteran yang telah membintangi 58 filem termasuk filem luar negara dan beratus Drama tempatan. Beliau juga merupakan seorang pengarah yang berkaliber yang mementingkan karya beliau mempunyai kualiti yang tinggi dan barisan pelakon yang menjiwai watak. Beliau ialah Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi atau lebih dikenali sebagai “Abang Don” Riezman Khuzaimi. Beliau merupakan seorang seniman negara dalam bidang lakonan, pengarah dan penerbitan. Beliau mula terlibat dalam bidang lakonan pada awal 90-an sehingga kini. Beliau yang kini berumur 52 tahun dikenali dengan kemahirannya yang boleh melakonkan apa sahaja watak yang diberi sehingga mendapat gelaran pelakon versatil. Beliau telah berkahwin dengan Datuk Normaziah Sheikh Mohammad pada 15 Disember 2016 dan kini telah menetap bersama di Shah Alam, Selangor.

Beliau merupakan anak yang kedua daripada empat beradik hasil perkahwinan Siti Fauziah Wan Sheikh dan Mohd Khuzaimi Abdul Aziz. Pada awal kehidupan, beliau telah dibesarkan di Kuala Lumpur dan bersekolah di Sekolah Rendah Padang Tembak. Setelah tamat persekolahan rendah pada tahun 1982, beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah di SMK Padang Tembak, Kuala Lumpur. Di sekolah menengah, beliau merupakan seorang pelajar yang aktif, dimana beliau telah menyertai Persatuan Kadet Remaja Sekolah dan wakil bola sepak sekolah.

Permulaan kerjaya beliau sebagai seorang seniman bermula ketika zaman persekolahan, dimana ketika itu beliau berumur 16 tahun dan mula berjinak-jinak dalam dunia seni dengan mengikuti kakaknya ke set pengembaraan. Beliau bermula berlakon di dalam iklan sebelum dipanggil untuk berlakon untuk drama dan filem. Filem pertama yang dibintangi beliau ialah filem K.L.U (Kuala Lumpur Universiti) pada tahun 1995 arahan Ricky Ui. Ketika itu beliau memegang watak sebagai seorang pelajar universiti. Apa yang membuatkan Riezman Khuzaimi seorang pelakon serba boleh adalah disebabkan kepelbagaian watak dan karakter yang dibawa oleh beliau didalam filem dan drama. Antara watak-watak tersebut adalah askar, jeneral, orang buta, panas barang, bipolar dan banyak lagi. Beliau juga mula dikenali ramai melalui filem seram ‘Congkak’ yang dibintangi oleh beliau pada tahun 2008. Filem tersebut berjaya dimasukkan ke beberapa buah Negara luar

seperti Indonesia, Singapura dan banyak lagi dan dipanggungkan di Covent Garden London, United Kingdom. Filem tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan disebabkan oleh elemen yang dimasukkan didalam filem tersebut iaitu alat permainan tradisional Malaysia (congkak).

Selain daripada berlakon, beliau juga merupakan seorang pengarah. Antara drama dan filem dibawah arahan beliau adalah drama 'Dendam' dan filem 'Mencari Cinta'. Drama Dendam telah ditayangkan di televisyen saluran RTM lakonan Shajiry Damery dan Den Wahab. Bagi filem 'Mencari Cinta' pula, ia telah ditayangkan di panggung pada 2013 selama 6 hari. Filem tersebut telah dibintangi oleh artis terkenal tanah air iaitu Rusdi Ramli dan Nora Danish. Sebagai seorang pengarah, Riezman Khuzaimi menekankan beberapa elemen dalam memilih seseorang untuk berlakon di bawah arahan beliau. Antara elemen tersebut ialah pelakon mestilah menjiwai watak dan bukannya melakonkan watak yang diberi.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini mengisahkan mengenai latar belakang dan pengalaman kerjaya seorang tokoh dalam bidang lakonan dan perfileman dalam industri tanah air. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi yang merupakan seorang tokoh seniman veteran di Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada hari Selasa 28 Jun 2022 melalui platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Haziq Bin Abd Rahman dan Nur Ayu Nadhirah Binti Abu Bakar. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

RK: Riezman Khuzaimi

MH: Muhammad Haziq

Pengenalan: [*rakaman sebelum temubual*]

Sebelum kita mulakan, saya ingin memaklumkan beberapa perkara: Temubual ini merupakan tugas secara lisan dimana ianya memerlukan kami untuk menemubual encik mengenai pengalaman, sumbangan dan penglibatan encik dalam industri lakonan. Untuk makluman encik temubual ini akan direkodkan dan untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran sahaja. Untuk makluman juga tugas ini memerlukan kami untuk menemubual encik selama 2 jam dan kami berharap agar encik dapat bercakap secara santai, dan jika encik ingin berkongsi pengalaman encik dalam industri lakonan secara lebih mendalam, amatlah dialu-alukan dan sepanjang temubual ini, encik juga boleh memaklumkan kepada kami jika encik ingin berehat seketika.

Assamualaikum WBT dan salam sejahtera, berikut merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman kerjaya seorang seniman veteran tanah air bersama-sama kami ialah Encik Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi yang merupakan seorang pelakon dan juga seorang pengarah, rakaman ini dijalankan pada tarikh 28 Jun 2022 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 10 pagi secara atas talian melalui aplikasi 'Google Meet' temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Haziq Bin Abd Rahman dan Nur Ayu Nadhirah Binti Abu Bakar, dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MH : Assalamualaikum wbt.

RK : Waalaikumussalam.

MH : Kami akan memulakan temubual ini dengan soalan berkaitan latar belakang diri dan keluarga Encik, soalan pertama, apakah nama penuh Encik?

RK : Nama penuh saya Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi.

MH : Apakah nama gelaran ataupun nama timangan yang dipanggil oleh kawan-kawan dan keluarga Encik?

RK : Biasa orang panggil Riezman.

MH : Bilakah Encik dilahirkan?

RK : Saya dilahirkan 12 hari bulan 3 tahun 1970.

MH : Berapakah umur Encik pada tahun ini?

RK : Umur lah, lupa lah, umur 52 [lima puluh dua] tahun (Ketawa)

MH : Dimanakah negeri dan tempat kelahiran Encik?

RK : Saya dilahirkan di Taiping, Perak.

MH : Dimanakah Encik dibesarkan?

RK : Saya dibesarkan di Kuala Lumpur.

MH : **Sekarang ini Encik menetap dimana?**

RK : Saya sekarang ini tinggal di Shah Alam.

MH : **Dengan siapa Encik tinggal sekarang?**

RK : Sekarang ini saya cuma tinggal bersama isteri sahaja.

MH : **Siapakah nama isteri Encik?**

RK : Nama isteri saya Normaziah [Datuk Normaziah Sheikh Mohamad].

MH : **Siapakah nama ibu dan ayah Encik?**

RK : Ibu saya Siti Fauziah binti Wan Sheikh, Mohd Khuzaimi Abdul Aziz
ayah saya.

MH : **Berapakah bilangan adik beradik Encik?**

RK : Adik beradik 4 [empat] orang termasuk saya.

MH : **Encik merupakan anak yang ke berapa?**

RK : Anak yang ke 2 [dua].

MH : **Apakah hobi atau aktiviti yang digemari lakukan oleh Encik pada
waktu lapang?**

RK : Hobi saya lebih kepada permotoran, selalu saya kalau masa lapang saya
akan pergi *travel* [melancong].

MH : Adakah Encik mempunyai rutin senaman atau diet permakanan supaya kekal sihat?

RK : Memang betul, pemakanan saya kurang makan nasi (ketawa), selalu lebih kepada makan roti dan sayuran, dan juga senaman Itu memang selalunya pagi-pagi saya berbasikal, kadang-kadang saya pergi *golfing* [bermain golf].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

MH : Seterusnya, kami akan bertanya Encik soalan berkaitan sejarah pendidikan, apakah nama sekolah rendah Encik?

RK : Sekolah rendah Padang Tembak [Sekolah Kebangsaan Padang Tembak].

MH : Berapakah jarak antara rumah encik ke sekolah rendah tersebut?

RK : Rumah ke sekolah, lebih kurang 15 [lima belas] kilometer [KM].

MH : Pada tahun bilakah Encik menamatkan persekolahan rendah?

RK : Tahun 1982.

MH : Adakah Encik melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah?

RK : Ya, saya (mengangguk).

MH : Apakah nama sekolah menengah itu?

RK : Sekolah menengah Padang Tembak [Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Tembak].

MH : Apakah subjek kegemaran Encik semasa di sekolah menengah?

RK : Di sekolah menengah subjek kegemaran sejarah.

MH : Mengapa Encik minat subjek sejarah tersebut?

RK : Sebab sejarah ini banyak boleh tahu peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum-sebelum ini, peristiwa hidup dan keadaan Negara kita terutamanya.

MH : **Encik saya nak tanya, Encik cakap [bagitahu] encik bersekolah di Padang Tembak, dekat mana sekolah itu?**

RK : Padang Tembak itu di Kuala Lumpur, Jalan Padang Tembak.

MH : **Adakah Encik seorang yang aktif ketika di sekolah menengah?**

RK : Di sekolah menengah saya aktif dalam bidang sukan.

MH : **Encik ada *join* [menyertai] mana-mana kelab di sekolah menengah?**

RK : Di sekolah menengah kelab ada, saya adalah kadet remaja sekolah [Persatuan Kadet Remaja Sekolah], dan ahli dan juga ajk [Ahli Jawatankuasa] dalam kelab Sejarah, sebab itu saya suka sejarah (ketawa).

MH : **Semasa di sekolah menengah, apakah aktiviti yang gemar dilakukan oleh Encik?**

RK : Aktiviti saya banyak bersukan, saya ialah pemain bola [bola sepak] sekolah.

MH : **Siapakah nama rakan akrab encik ketika di sekolah menengah?**

RK : Seingat saya nama dia Jeffry.

- MH** : Apakah kata-kata ataupun nasihat guru yang tak dapat dilupakan sehingga kini?
- RK** : Nasihat guru sampai sekarang, satu nasihat pun aku tak [tidak] ingat (Ketawa), Dah [sudah] lama sangat tinggal sekolah (Ketawa). Nasihat biasalah, nasihat selalu guru suruh menjadi orang yang berguna, dan sekarang dah [sudah] tinggal sekolah lebih 22 [dua puluh dua] tahun.
- MH** : Siapakah guru yang Encik tidak lupa sehingga kini?
- RK** : Sampai sekarang yang tidak lupa, guru disiplin yang saya tak [tidak] lupa Ustaz Misran, saya pun [juga] ada jumpa dia dua [dua] tahun lepas, masih ada lagi selepas 20 [dua puluh] tahun lebih-- .
- MH** : -- (suara rakaman audio tidak dapat didengari).
- RK** : --
- MH** : --
- RK** : --
- MH** : --
- RK** : --
- MH** : --
- RK** : --
- MH** : --

RK : --

MH : --

RK : --

MH : --

RK : --

MH : --

RK : -- tahun 92 [1992]

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

MH : Seterusnya kami bergerak ke bahagian pengalaman kerjaya, yang pertama kami akan bertanyakan soalan berkaitan kerjaya awal Encik. Apakah kerjaya awal Encik setelah tamat pengajian?

RK : Saya berkerja di Celcom.

MH : Boleh Encik ceritakan sedikit sejarah awal berkerja di celcom?.

RK : Saya di Celcom, saya berkerja sebagai *customer services* [khidmat pelanggan] sehingga tahun 95 [1995]. Selepas itu saya dah sepenuh masa dalam dunia seni lah, dalam lakonan.

MH : Berapakah umur Encik ketika itu?

RK : (berfikir) 25 [dua puluh lima] tahun.

MH : Berapa lama kah Encik terlibat dalam bidang tersebut?

RK : Bidang yang mana?

MH : Dalam Celcom.

RK : Celcom, masa Celcom itu daripada 92 [1992] sampai 95 [1995]. Hujung 92[1992]. Kira 93 [1993], 94 [1994], 95 [1995]. Kira 3 [tiga] tahun dah [sudah].

MH : Seterusnya kami akan bertanya Encik soalan berkaitan pengalaman kerjaya Encik sebagai seorang pelakon. Sudah berapa lamakah Encik telah bergiat aktif dalam bidang lakonan?

RK : Saya aktif lakonan, saya rasa kalau ikut betul-betul, saya rasa dah [sudah] dekat 30 [tiga puluh] tahun dah [sudah], sebab saya mula daripada zaman sekolah lagi. Umur saya 16 [enam belas] tahun saya dah [sudah] tengok kamera, saya pernah mencuba, tapi [tetapi] itu Cuma sekali sekala lah, macam *part time* [separuh masa] sehingga berkerja pun [juga] masa itu saya ada *part time* [separuh masa] berlakon jadi kalau *full time* [sepenuh masa] sebenarnya tahun 95 [1995] sehingga kini lah sekarang ini.

MH : Berapakah -- Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri dalam bidang lakonan?

RK : (berfikir) Dalam bidang lakonan ni, saya bermula terlibatnya dalam lakonan iklan, saya banyak berlakon iklan sebelum saya pergi dalam bidang lakonan sepenuhnya, beberapa iklan lah saya ada berlakon. Jadi disitu permulaan saya dipanggil untuk berlakon dalam drama-drama dan filem.

MH : Siapakah yang menjadi pendorong utama Encik dalam melibatkan diri dalam bidang lakonan.

RK : *Okay* [baiklah] sebenarnya, boleh katakan kakak saya yang sulung adalah juga seorang pengarah. Pengarah drama dan filem.

MH : Siapakah nama kakak Encik?

RK : Syirin Khuzaimi.

**MH : Daripada manakah Encik mula mempelajari bidang lakonan?
Adakah Encik menghadiri mana-mana kelas lakonan?**

RK : (berfikir) Kelas takde [tiada], sebab saya rasa lakonan ini saya lebih kepada pembelajaran sendiri, pembelajaran sendiri maksudnya persediaan dari (berfikir) sumber-sumber macam daripada - - - kalau dulu daripada video-video, filem-filem yang sebelumnya. Saya takde [tiada] pergi *filem school* [kelas lakonan] pun.

MH : Berapa lamakah masa yang diambil untuk mahir dalam bidang lakonan ini?

RK : Apa untuk saya? kalau saya rasa untuk saya, saya tak [tidak] tahu sebab bagi saya setiap - - - kalau nak [ingin] kata mahir dalam lakonan itu sampai hari ini saya masih lagi belajar, sebabnya setiap watak yang kita bawak [bawa] itu berlainan. Jadi kalau nak [mahu] kata mahir itu mungkin mahir dari segi *method acting* [teknik lakonan] itu mungkin, tapi makan masa yang lama juga, sebab dia kalau kita dah [sudah] selalu buat mungkin baru jadi mahir la, sebab *method* [kaedah] ini dia memerlukan (berfikir), permainan dalaman lah, permainan jiwa kita.

MH : Adakah Encik mempunyai mentor yang membantu Encik dalam mengasah bakat lakonan?

RK : (berfikir) Membantu mentor saya tak [tidak] ada mentor tapi [tetapi] saya lebih kepada - - - menjadikan filem-filem barat terutamanya filem-filem

hollywood sebagai saya punya mentoring untuk saya punya apa -- teknik lakonan.

MH : Siapakah idola Encik dalam bidang lakonan?

RK : Idola. Kalau katakan di Malaysia ni [ini], saya lebih mengidolakan Eman Manan [Aiman Manan].

MH : Apakah cabaran yang Encik hadapi sebelum menjadi seorang pelakon?

RK : Cabaran, sebelum menjadi seorang pelakon *okay* [baiklah], sebenarnya kalau saya berkongsi sikit kisah saya sebab bapa saya tak [tidak] benarkan saya sebenarnya jadi pelakon, tapi saya berlakon sikit-sikit sampai saya buat *full time* [sepenuh masa] tu [itu] dalam bidang lakonan ini agak --- cabaran dia sebab masa itu bayaran dia tak tinggi, sebab saya kerja [di celcom] sebenarnya gaji saya dah [sudah] tinggi tapi sebab minat dalam lakonan ini, saya nekad buat keputusan sendiri, itu agak (berdehem) kecewa lah dengan tindakan saya itu, ayah saya kecewa, tetapi saya ingin buktikan pada saya dan banyak juga orang-orang luar, dengan lakonan ini sebenarnya bukan satu - - - sebab lakonan ini adalah satu kerjaya satu *career* [kerjaya], jadi benda ini bukan senang, dan saya nak [ingin] buktikan dia jadi sebab -- saya pernah cakap dari sejarah lepas-lepas kerana kita punya penggiat seni terutamanya seniman pelakon semua tak ada [tidak ada] masa depan dalam dunia seni ni [ini], jadi saya nak [ingin] buktikan kepada masyarakat terutamanya, sebab saya sendiri pernah berlakon, saya ingat lagi pengalaman yang saya boleh

ingat sampai bila-bila. Sebab ada satu makcik ini, kitorang [kami] tengah *shooting* [berlakon] di Melaka tiba-tiba di - - - ada anaknya datang macam nak [hendak] masuk tengah kita *shooting* [berlakon], jadi dia cakap “jangan kacau”, saya cakap “tak apa [tidak mengapa] kak boleh je [sahaja] nak [mahu] tengok tapi [tetapi] diam jangan bisung”, *So* [jadi], dia marah anak dia ini ada itu macam dia menyindir saya. Dia cakap “inilah degil ini kalau cakap bukan nak [mahu] dengar, itu lah cakap degil, ini sekolah pun [juga] malas ini kalau tak [tidak] *pass* [lulus] sekolah ini tengok jadi pelakon je [sahaja].” Jadi kat situ [disitu] saya agak - - - bukan terkesan, saya terfikir dia ini permikiran, kita tidak menyalahkan kakak itu, mungkin penggiat seni ini tidak ada masa depan tidak ke mana, jadi itu lah salah satu saya nak [mahu] buktikan saya berhenti kerja dengan pengalaman saya berlakon, masa itu pun [juga] saya masih lagi baru, macam mana saya nak teruskan sampai hari ini. *So* [jadi], saya dah [sudah] buktikan kepada masyarakat, sebab sebenarnya untuk menjadi penggiat seni ini yang berkarisma dan berilmu bukan mudah, malah dia [bidang lakonan] adalah kerja yang lebih susah daripada kerja-kerja yang ada di luar sana.

MH : Apakah nama filem atau drama yang Encik pertama kali lakonkan?

RK : Filem yang pertama saya buat tajuk dia K.L.U [Kuala Lumpur Universiti] pada tahun 1995.

MH : Apakah watak yang ditawarkan kepada Encik dalam K.L.U [Kuala Lumpur Universiti]?

- RK : Dalam K.L.U [Kuala Lumpur Universiti] tu [itu] masa itu, watak saya berlakon sebagai seorang pelajar, pelajar universiti. Tapi [tetapi] pelajar universiti yang ada sedikit komedi lah.
- MH : Dimanakah filem K.L.U [Kuala Lumpur Universiti] tersebut dilaksanakan?**
- RK : Penggambaran filem K.L.U [Kuala Lumpur Universiti] di Kuala Lumpur dan juga Cameron Highland [Pahang].
- MH : Siapakah nama pengarah yang menawarkan watak lakonan tersebut?**
- RK : Masa tu pengarah itu, Mr. (berfikir) Chia, pengarah Cina,
- MH : Apakah perasaan Encik ketika pertama kali dapat berada di kaca televisyen?**
- RK : (berfikir) Masa tu [itu] rasa macam seronok lah (ketawa) dan bukan senang nak [ingin] keluar di televisyen.
- MH : Sepanjang penglibatan dalam bidang lakonan apakah watak yang sering di bintang?**
- RK : Saya selalunya diberikan watak-watak korporat, lebih kepada watak korporat dan antagonis yang boleh kata watak jahat. Korporat dan watak jahat, dua watak ini yang selalu saya bawa (ketawa).

MH : **Antara watak-watak tersebut, apakah watak yang paling mencabar yang pernah Encik lakonkan dan mengapa?**

RK : Watak yang paling mencabar, - sebenarnya banyak watak-watak yang mencabar tapi [tetapi] watak yang paling mencabar bila saya bawa watak bipolar, bipolar itu dia yang sentiasa *hot temper* [panas baran], dia punya *hot temper* [panas baran] bukan setiap hari tapi [tetapi] setiap jam. So [jadi] watak itu agak susah sebab saya sendiri penat melakonkan watak itu. Setiap hari saya habis je [sahaja] pengembaraan, balik je [sahaja] tak sempat [tidak ada masa] buat apa terus tidur je [sahaja]. Sebab dia penat dalam sebab melakonkan watak bipolar ini.

MH : **Apakah yang Encik lakonkan untuk mendalami sesuatu watak lakonan?**

RK : Mendalami, selalunya kita lebih memahami watak tu [itu], bagi saya teknik saya memahami watak itu dan menjiwai watak tu [itu], kalau watak tu [itu] mungkin selalunya saya akan *create* [cipta] satu watak itu. Contohnya, namanya Majid siapakah dia, saya akan buat salasilah [asal usul] watak tu [itu] dan saya akan menjiwai watak tu [itu], saya jadi Majid itu, dengan salasilah yang saya sendiri balik buat.

MH : **Selain daripada watak yang disebut watak lain yang Encik ingin cuba lakonkan dan mengapa?**

RK : Yang nak lakonkan, lepas ni [selepas ini] saya nak [mahu] berlakon jadi bisu, maksud saya takyah [tidak payah] bercakap sebab saya rasa satu benda yang susah, dan saya belum pernah dapat lagi watak itu sebab

(berfikir) buta saya pernah bawa [pernah lakonkan], cuma bisu ini satu watak yang ya lah, bisu ni [ini] kita takleh [tidak boleh] bercakap tapi [tetapi] nak [hendak] menyampaikan apa yang nak [ingin] kita sampaikan kepada orang lain. *So* [jadi] watak itu saya rasa agak mencabar dan belum pernah saya bawa lagi.

MH : Berapa lamakah yang tempoh masa yang Encik perlukan untuk mengingati sesebuah skrip?

RK : (berfikir) sesebuah skrip masa, saya kalau yang terbaiknya selalu, kalau satu cerita itu - - - ini kalau kita ambil dari satu cerekrama [slot penayangan filem], sebab selalunya satu minggu. Satu hari tu [itu] saya akan baca sahaja, lepas itu hari kedua dan seterusnya itu saya akan ulang untuk memahami watak dan perjalanan seluruh cerita.

MH : Apakah genre filem atau drama yang sering Encik bintang?

RK : Genre filem atau drama yang dibintang, nak cakap *genre* [kategori] ni [ini] dia *very* [sangat] versatil lah, macam saya ini lebih kepada semua *genre* [kategori] saya buat.

MH : Berapakah jumlah filem dan drama yang pernah Encik -- sepanjang menceburi bidang lakonan?

RK : Kalau tak [tidak] silap saya, setakat ini dah [sudah] dekat [hampir] 58 [lima puluh lapan] filem, kalau drama sudah tak [tidak] boleh kira sudah, ribu-ribu lah (ketawa), saya sendiri pun [juga] sudah tidak tahu lah, tidak ingat sudah, terlalu banyak lah.

MH : **(Mengangguk), Adakah Encik pernah beraksi dalam filem luar negara?**

RK : Ada, saya ada buat 2 [dua] filem di Hong Kong.

MH : **Apakah nama filem tersebut?**

RK : Yang satu tu [itu] dia sudah tukar saya tak [tidak] berapa tahu tajuk yang Cina dia, tapi itupun saya jadi polis, yang satu lagi 'Skyline Cruisers'.

MH : **Filem 'Skyline Cruisers' tu [itu] pada tahun filem tersebut ditayangkan?**

RK : Tahun -- 2003.

MH : **Bagaimana Encik terlibat dalam filem 'Skyline Cruisers'.**

RK : 'Skyline Cruisers' tu [itu] saya pergi *audition* [uji bakat], sebab masa itu pengarah dia daripada Hong Kong datang ke Malaysia dan dia buka *audition* [uji bakat], sebab dia punya pengembaraan itu di Malaysia dan Hong Kong. Jadi saya salah seorang lah pelakon Malaysia yang pergi *audition* [uji bakat] dan terpilih.

MH : **Boleh Encik ceritakan sedikit watak yang Encik lakonkan dalam filem 'Skyline Cruisers'?**

RK : Watak saya ada sebagai seorang jeneral askar, watak yang tegas, watak askar ini lebih kepada ini lah - - - sebab saya pelakon pembantu dalam itu, berlakon dengan perlakon-perlakon *international* [antarabangsa] daripada Hong Kong iaitu Jordan Chang, Leon Lai, dengan Shu Qi. Yang

saya ingat watak saya lebih kepada watak askar lah, jeneral yang lebih watak tegas.

MH : Apakah perasaan Encik apabila Encik sorang je [sahaja] terpilih untuk berlakon cerita tersebut?

RK : Perasaan masa tu [itu] gembira dan satu pengalaman yang - - - masa itu agak takut jugak lah sebab ialah bukan senang kita nak berlakon dalam produksi *international* [antarabangsa] yang luar, tapi saya ambilkan itu sebagai satu pengalaman yang baru. Sepanjang pengembaraan itu banyak saya belajar pasal penglibatan dalam bidang filem juga lah.

MH : Siapakah pengarah filem ‘Skyline Cruiser’ tersebut?

RK : Alamak (terkejut) saya pun tak [tidak] ingat nama tu [itu] lah, pengarah itu pengarah Hong Kong, tapi dekat Hong Kong dia *famous* [terkenal] lah, kalau saya masih ingat nama dia Stephen mungkin nama Christian dia, kalau nama Cina saya tak [tidak] ingat.

MH : Apakah perasaan Encik dapat berkerjasama dengan beliau?

RK : Perasaan saya ialah satu pengalaman baru dan pengalaman yang boleh saya berkongsi juga kepada sahabat-sahabat penggiat seni yang ada di Malaysia ini.

MH : Dalam banyak filem dan drama yang Encik bintang, Apakah filem yang meninggalkan impak yang besar dalam diri Encik dan kenapa?

RK : Filem yang jadi impak dalam hidup saya iaitu filem ‘Baik Punya Cilok’ dan saya anggap itu salah satu filem dan watak yang - - - boleh jadi satu watak yang *legend* [lagenda] masa tu [itu], tahun 2001 saya rasa filem itu macam beri impak kepada penonton dan juga kepada saya sendiri, sebab watak yang saya bawak itu adalah watak ganas, *gangster* [samseng], tapi dalam komedi, jadi benda dia menjadi watak *masterpiece* [karya agung] bagi saya dan sampai harini pun orang masih ingat walaupun saya dah [sudah] berlakon berpuluh filem, beribu-ribu drama orang masih ingat watak saya dalam ‘Baik Punya Cilok.’

MH : Adakah Encik pernah berlakon dalam pentas *theater* [panggung]?

RK : Ya, benar (mengangguk). Salah satunya ‘Baik Punya Cilok the theater,’ dan ‘Baik Punya Cilok muzikal.’

MH : Pada tahun bilakah *theater* [panggung] tersebut ditayangkan?

RK : 2015

MH : Bagaimana Encik menghilangkan rasa gugup berlakon di pentas *theater* [panggung]?

RK : Hilangkan rasa gugup, selalunya sebelum kita mula itu, biasa lah bermula dengan selawat, tapi [tetapi] disebabkan *rehearsal* [raptai] yang kita buat tiap [setiap] hari itu mungkin dia akan hilang lah cuma sebab macam *theater* [panggung] ini kita lakonkan balik - - - kalau macam saya buat di istana budaya kita tak [tidak] berapa nampak sangat kita punya *audience* [penonton], tapi mula-mula naik *on stage* [atas pentas] itu, dia tidak boleh

tipu lah masih agak ketar jugak lutut untuk kita dapatkan momentum untuk *the first* [pertama] 1 [satu], 3 [tiga] minit, lepas sudah berjalan itu, InsyaAllah lah *okay* [baik].

MH : Berapa lamakah masa yang Encik ambil untuk berlatih di pentas theater [panggung]?

RK : Untuk *theater* [panggung] itu saya ambil masa saya rasa dua bulan setengah sebelum betul-betul persembahan.

MH : Bagaimana Encik membahagikan masa antara kerjaya lakonan dan keluarga Encik?

RK : Kalau dalam lakonan ni [ini] saya bagi masa bila bercuti, kalau lakonan ini saya memang tak [tidak] ada masa. *So* [jadi] maksudnya, kalau lakonan saya akan keluar pagi, saya balik pun kadang-kadang pagi, jadi memang tidak ada masa untuk setiap hari bila saya berlakon, cuma bila saya habis setiap tajuk yang saya habis *shooting* [berlakon] itu saya akan luangkan masa saya sepenuhnya 24 [dua puluh empat] jam. Sebab saya bukan (terbatuk) berkongsi masa saya itu bahagikan pagi atau malam ke dalam masa satu hari. Contohnya, saya *shooting* [berlakon] satu bulan, lepas saya habiskan satu bulan itu, katakan saya ada masa seminggu, jadi seminggu itulah saya akan meluangkan masa dengan keluarga.

MH : Aktiviti apakah yang Encik lakukan bersama keluarga?

RK : (berfikir) Bersama keluarga, kalau sekarang ni [ini], aktiviti saya banyak berkeluar dengan isteri saya lah sebab anak-anak semua dah [sudah] besar.

MH : **Apakah memori terindah Encik sepanjang berkecimpung dalam bidang lakonan?**

RK : Saya rasa semuanya indah (ketawa), kalau nak [hendak] kata indahnye mesti - - - kebanyakan saya berlakon dalam filem contohnya filem 'Waris Jari Hantu' saya dapat berlakon dengan seniwati arwah Azean Irdawaty, itu saya rasa satu pengalaman yang indah lah, banyak pelakon-pelakon yang veteran yang saya dah berlakon bersama dalam 'Baik Punya Cilok'. Dalam 'Baik Punya Cilok' saya ingat ini, nak [mahu] kata indah tak[tiada] lah indah sangat lah tapi pengalaman saya filem itu yang orang masih ingat sampai hari ini watak itu dan juga pengalaman saya patah hidung kena tumbuk dengan AC mizal [Dato' Mizal Zaini], dalam lakonan tapi [tetapi] tak [tidak] sengaja.

MH : **Boleh Encik ceritakan tentang peristiwa tersebut?**

RK : *Okay* [baiklah], masa tu [itu] kita lakonkan satu babak, saya bertarung maksudnya aksi sebabnya dalam filem itu banyak juga babak-babak aksi yang kita buat sendiri lah selain daripada *stuntman* [pelakon lagak aksi], jadi masa babak pergaduhan itu gaduh di dalam air mungkin saya terlepas, masa *rehearsal* [raptai] *okay* [baik], masa kita betul *take* [berlakon] masa itu terlepas sebab saya tergelincir dan dia [Dato' Mizal Zaini] tertumbuk hidung saya, patah tulang belah [bahagian] dalam.

MH : Selain daripada kerjaya dalam bidang lakonan adakah Encik juga bergiat aktif sebagai seorang pengarah?

RK : Pengarah saya tak [tidak] berapa aktif, tapi saya ada mengarah beberapa drama lah, cuma saya rasa mengarah yang - - - jiwa saya lebih kepada lakonan, jadi pengarah tu [itu] saya kurang sikit lah.

MH : Boleh Encik ceritakan sedikit bagaimana Encik memulakan kerjaya sebagai seorang pengarah?

RK : (melihat ke arah telefon), *okay* [baik] pengarah ini saya mula kerana saya mencuba lah, saya ada produksi saya sendiri, tapi [tetapi] percubaan tu [itu] bukan kata tak [tidak] jadi, memang pengarah tu [itu] saya boleh buat tapi jiwa [jiwa pengarah] takde [tidak ada] itu untuk filem masa saya buat - - - drama untuk RTM [Radio Televisyen Malaysia], tajuk (berfikir) ‘Dendam’, jadi pada segi pengarah itu saya rasa bukan saya punya *forte* [kelebihan], saya lebih kepada lakonan tapi [tetapi] kalau suruh saya mengarah bila-bila saya boleh mengarah cuma jiwa saya tak [tidak] ke situ sebab saya rasa saya tak [tidak] boleh beri masa sepenuhnya bukan kerana saya tidak boleh buat, tapi [tetapi] disebabkan oleh kekangan banyak sangat *restriction* [sekatan] jadi saya rasa tidak ada kepuasan untuk saya buat, lebih-lebih lagi dalam drama-drama.

MH : (berhenti sekejap) Apakah drama atau filem yang berada di bawah arahan Encik?

RK : Ya? [tidak faham soalan].

- MH** : (ulang soalan) Apakah filem pertama yang berada di bawah arahan Encik?
- RK** : Drama 'Dendam' dengan RTM [Radio Televisyen Malaysia].
- MH** : Apakah drama tersebut Encik turut berlakon?
- RK** : Drama itu tak [tidak] saya mengarah sepenuhnya.
- MH** : Siapakah yang terlibat bersama Encik bagi menjayakan drama tersebut?
- RK** : (mengosok muka) siapa yang terlibat (berfikir), seingat saya Den Wahab, Shajiry [*Shajiry* Damery] masa tu [itu] yang berlakon, cuma kalau macam filem saya ada pengarahannya bersama kakak saya sendiri iaitu Syirin Khuzaimi, kita kira masa tu [itu] *double director* [pengarah berganda] lah, Syirin Khuzaimi dan Riezman Khuzaimi untuk filem 'Mencari Cinta,' lakonan Rusdi Ramli dan juga Nora Danish.
- MH** : Pada tahun bilakah filem 'Mencari Cinta' ditayangkan?
- RK** : (berfikir), saya rasa dia [filem 'Mencari Cinta'] ditayangkan masa tu [itu] tahun 2013.
- MH** : Berapa lamakah tempoh pengembaraan filem 'Mencari Cinta'?
- RK** : 'Mencari Cinta' itu kita *shooting* [sesi pengembaraan] lebih kurang 18 [lapan belas] hari.
- MH** : Boleh Encik ceritakan sedikit kisah disebalik filem tersebut?

RK : ‘Mencari Cinta’ ni [ini] kisah (berdehem) percintaan yang bercinta selepas kahwin. (berfikir) jadi saya nak [hendak] ketengahkan percintaan yang terjadi selepas dia bernikah, jadi benda ni [ini] kisah-kisah kepada masyarakat sebenar yang berlaku harian dalam masyarakat kita terutama masyarakat Melayu, dan nombor 2 [dua] ibaratnya antara 2 [dua] darjat antara yang kaya dan *consider* [pertimbangkan] yang miskin, jadi nak [hendak] tunjuk kat [dekat] situ walaupun orang itu miskin mungkin ada orang yang kaya dia pandang kepada perkerjaan, sedangkan (berfikir) masa itu lakonan hero Rusdi Ramli dia seorang duduk dikampung tapi [tetapi] berkelulusan tinggi, jadi kat [dekat] situ yang saya tunjukkan lah dalam filem itu, lebih kepada jiwa sebenarnya cerita ‘Mencari Cinta’ itu.

MH : Apakah penerimaan perminat terhadap filem tersebut?

RK : (berfikir) Filem tu [itu] penerimaan dia bagus sebab filem itu satu cerita yang menarik lah, lakonan pun [juga] dengan Nora Danish dengan Rusdi Ramli, cuma sistem perfileman panggung di Malaysia ni [ini] agak lain sikit, jadi kita cuma sempat berada di panggung saya rasa dalam 6 [enam] hari je [sahaja], sebab masa itu saya berlawan di panggung dengan cerita ‘Iron Man 3’, *so* [jadi] itu adalah risiko-risiko kepada *producer* [penerbit] yang buat filem, *so* [jadi] kalau ada filem Hollywood yang meletup masa tu [itu], dia akan menjejaskan kita punya tayangan jugak [juga], maksudnya 1 [satu] kerana orang banyak pergi kepada filem-filem yang ‘Box Office’ barat yang masuk dan nombor 2 [dua] sebab tokey-tokey [pengusaha] panggung ini kalau filem *you* [awak] tak [tidak] begitu ramai *instead* [sedangkan] kita ini wajib tayang dengan FINAS [Perbadanan

Kemajuan Filem Nasional], patutnya [sepatutnya] 2 [dua] minggu kita boleh duduk dalam panggung, tapi sebabkan dia nak [mahu] penuhkan panggung dia dengan filem 'box office', jadi filem kita tak [tidak] lama dalam 5 [lima] hari dan 6 [enam] hari dah [sudah] ditendang keluar, jadi kita tidak boleh nak [mahu] buat *collection* [kutipan] yang baik dan tak [tidak] sempat nak [hendak] *promote* [promosi], itu permasalahan di Malaysia di panggung lah.

MH : Sepanjang mengarah filem tersebut adakah Encik juga turut terlibat dalam penulisan skrip?

RK : Skrip tidak.

MH : (berhenti sekejap), Adakah filem atau drama yang pernah Encik arahkan juga berada di bawah penerbitan Encik?

RK : Tidak, itu dibawah penerbitan *producer* [penerbit] yang lain.

MH : Apakah cabaran yang sering Encik hadapi ketika mengarah filem?

RK : Cabaran, (berfikir) kalau cabaran tu [itu] saya rasa selalunya daripada segi persediaan untuk kita mendapatkan lokasi, persediaan pelakon, dan juga *propping* [alat-alat penyediaan filem], selalu *prop* lah saya tak [tidak] pernah puas hati, mungkin kerana kekangan bajet jugak [juga] itu yang kita - -- saya rasa 1 [satu] cabaran saya sebab apa yang kita nak [mahu] tak [tidak] dapat, itu yang saya malas mengarah.

MH : Sebagai seorang pengarah apakah elemen-elemen penting yang Encik tekankan dalam memilih seseorang untuk berlakon?

RK : Bagi saya pelakon itu kita kena tau [tahu] pelakon itu menjiwai watak dan bukan pelakon yang melakonkan watak sebab dia 1 [satu] benda yang berbeza, pelakon yang melakonkan watak dan pelakon yang menjiwai watak, *so* [jadi] mungkin saya seorang pelakon, saya dah [sudah] lebih arif lagi tentang jiwa pelakon, saya lebih suka pelakon itu menjiwai watak daripada dia melakonkan watak.

MH : **Boleh Encik ceritakan serba sedikit tentang proses yang diperlukan dalam penerbitan sebuah filem?**

RK : Proses penerbitan filem ni [ini], pertamanya kita kena dapatkan skrip, daripada skrip itu kita boleh tahu siapakah pelakon-pelakon yang sesuai untuk melayari kita punya cerita tu [itu], dan bila kita dah [sudah] boleh tahu siapa pelakon dengan skrip yang ada itu, jadi kita boleh buat pecahan kepada semua lah kat [dekat] dalam itu *propping* [alat-alat penyediaan filem], *location* [lokasi], dan pelakon-pelakon lain jugak [juga], *so* [jadi] daripada situ baru kita boleh menentukan bajet untuk kita menerbitkan sesuatu filem tu [itu].

MH : **Apakah ciri-ciri yang penting yang perlu ada bagi menghasilkan karya yang berkualiti?**

RK : Karya yang berkualiti itu saya rasa *very* [sangat] subjektif, sebab semua pengarah dan semua orang nak [mahu] benda yang berkualiti, tetapi unsur yang paling pertama yang saya nak [mahu] cakap adalah kita punya bajet dan modal untuk menghasilkan filem tu [itu], untuk dalam keadaan dunia harini bukan kerana pengalaman atau pun [juga] *method* [kaedah]

dari segi pernebitan filem kita memerlukan modal yang secukupnya untuk menghasilkan filem yang baik, maksudnya yang baik bagi saya kita tak [tidak] boleh lagi buat konsep macam dulu [dahulu] sebab kita terpaksa ikut teknik-teknik elemen-elemen yang masa kini, jadi kalau kita takde [tiada] bajet ikut masa kini itu, kita akan menggunakan lebih besar bajet, seperti contohyna *effect* [kesan] *CGI* [*Computer Generated-Imagery*] semua memerlukan bajet yang besar, jadi lebih-lebih lagi untuk filem seram, filem aksi kita memerlukan modal yang besar jadi saya rasa itu yang paling penting lah.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: CABARAN

MH : Apakah cabaran-cabaran yang Encik hadapi ketika berlakon? Dari segi masa, kesihatan, ataupun tempat?

RK : Cabaran kalau dari segi masa itu ialah kita tidak menentu kadang [kadang-kadang] kita boleh *shooting* [penggambaran] daripada pagi sampai pagi dan saya baru sahaja habis hari itu bulan 3 [tiga] itu saya *shooting* [penggambaran] daripada terang sampai terang. Itu cabaran dia juga lah, memang tak [tidak] tidur lah, daripada segi tempat pulak [pula] kita tengok selalu cabaran bila kalau kita *shooting* [ada penggambaran] filem-filem seram atau filem aksi yang bukan di tengah Bandar mungkin di dalam hutan di tempat-tempat yang itu, itu agak mencabar juga lah.

MH : Apakah filem atau drama yang paling sukar encik lakonkan dan mengapa?

RK : Paling sukar, macam kalau drama-drama yang susah itu dia lebih kepada watak lah, tapi kalau daripada segi cerita itu saya rasa lebih kurang kebanyakan cerita-cerita kalau cerita aksi itu kita banyak buat lah. Sekarang ini saya pun takde dah [sudah tidak] buat filem aksi tapi kalau semasa ketika dulu [zaman dahulu] ada buat filem aksi itu dia lebih mencabar disebabkan banyak *training* [latihan] lah. Contohnya macam saya pernah melakonkan satu cerita, drama 'Disebalik Awan' - - - masa tu [itu] saya berlakon cerita 'Air Force', saya jatuh daripada helikopter dalam ketinggian saya rasa masa itu kurang lebih dalam sepuluh kaki saya jatuh ke bawah tapi [tetapi] alhamdulillah takde [tiada] apa-apa yang teruk lah cuma saya berehat dua minggu selepas itu sebab *effect* [kesan]

dia itu saya terhentak, saya jatuh itu di atas rumput tapi saya tiada patah cuma saya kena buat bekam sebab dia *effect* [kesan] ke pinggang dan mungkin sehingga ke hari ini *effect* [kesan] daripada saya jatuh dalam drama itu ada lah bila dah [sudah] berumur ini kita baru lah kita boleh rasa [sakit]. Drama ‘Disebalik Awan’ saya jatuh helikopter.

MH : Dimanakah lokasi drama ‘Disebalik Awan’ tersebut?

RK : *Okay* [baiklah], lokasi kita banyak. Lokasi ada di KL [Kuala Lumpur], di Kedah dan juga di Pahang, Kuantan. *So* [jadi], kejadian yang saya jatuh helikopter itu di Kuantan [Pahang]. Kita melakonkan semua cerita itu di TUDM [Tentera Udara Diraja Malaysia] di Subang [Selangor], di Alor Star [Kedah] dan juga di Kuantan [Pahang]. Masa itu ala-ala [seperti] ‘Top Gun’, saya jatuh helikopter (ketawa).

MH : Antara menjadi seorang pelakon dan pengarah, bidang manakah yang Encik rasa paling mencabar dan mengapa?

RK : Kalau pengarahannya itu, saya rasa saya tak [tidak] berapa sangat [kurang minat] dalam pengarahannya sebab macam saya cakap tadi saya kurang *feel* [rasa] dalam pengarahannya. Tetapi dari segi lakonan ini saya rasa mencabar kerana setiap watak yang saya dapat saya akan menjiwai dan setiap watak yang saya bawa itu akan berlainan. *So* [jadi], terutamanya penonton akan lihat watak-watak yang saya bawa itu saya takkan [tidak akan] bawa lagi. *So* [jadi], setiap kali watak yang saya dapat itu, kadang mungkin watak yang sama dari segi umumnya tapi [tetapi] apa yang saya menjiwai itu

adalah berlainan. Jadi, orang akan tengok setiap yang saya muncul itu semuanya lain-lain.

MH : *Okay* [baiklah], penularan pandaemik Covid-19 di seluruh dunia memberi impak yang mendalam. Sebagai seorang artis, apakah cabaran yang encik hadapi akibat penularan *virus* [wabak] tersebut?

RK : Masa pandemik ini amat memberi kesan kepada semua penggiat seni termasuk saya juga. Jadi, ketika itu kita memang takde [tidak ada] apa-apa penggambaran. Saya rasa lebih kurang satu tahun, sebab masuk tahun kedua itu dah [sudah] ada kelonggaran daripada pihak kerajaan, kita ada berlakon juga lah cuma satu tahun itu memang agak -- terkesan sangat lah dengan pandemik ini.

MH : Apakah yang encik lakukan dalam tempoh masa setahun itu?

RK : *Okay* [baiklah], dalam tempoh masa setahun itu sebab saya ada perniagaan saya sendiri dan saya adalah salah seorang *chef* [tukang masak], tukang masak di restoran saya dan saya lebih banyak masak untuk mereka [pelanggan] sebab masa pandemik orang semua tak [tidak] boleh keluar. Jadi, orang semua *order* [tempah] *online* [talian] *order* [tempah] makan. Saya duduk di dapur, kerja saya masak.

MH : Sebagai seorang artis yang telah lama berkecimpung dalam bidang lakonan, apakah isu-isu yang dihadapi oleh artis veteran pada masa kini?

RK : *Okay* [baiklah], isu paling ketara adalah isu harga seorang artis itu. Pembayaran kepada hasil kerja artis itu amat ketara lebih-lebih lagi kepada yang -- *you* [awak] cakap yang veteran, yang lama, yang dah [sudah] berpengalaman tapi [tetapi] bayaran dia bukan semakin tinggi tetapi semakin rendah, itu agak menyedihkan dan merunsingkan pelakon-pelakon *senior* [tua] veteran.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

MH : Adakah encik pernah menerima apa-apa anugerah dalam bidang lakonan?

RK : Tidak pernah.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: SUMBANGAN

- MH** : **Filem yang bertajuk ‘Congkak’ pada thun 2008 pernah menjadi perhatian orang ramai dan mendapat sambutan yang agak memberangsangkan pada ketika itu, apakah sumbangan encik dalam filem tersebut?**
- RK** : Sumbangan saya dalam filem itu -- *Okay* [baiklah] filem ‘Congkak’ itu filem seram, saya melakonkan watak ayah kepada dua orang anak dan saya rasa lakonan filem seram tu [itu] memang dia merealitikan perasaan seram itu kepada mereka yang menonton. Jadi, saya masa itu membawa watak yang sebaik mungkin untuk sama-sama menjayakan filem itu dan sampai hari ini orang masih lagi ingat filem ‘Congkak’ itu.
- MH** : **Apakah keistimewaan filem tersebut dan mengapa?**
- RK** : Filem itu, dia [filem ‘Congkak’] istimewanya memang dia rasa seram dan kelainan dia sebab dia ada unsur yang dia bawa semua elemen yang ada dalam itu memang elemen seram tapi seram bersama keluarga, dia ada pasal kekeluargaan dan seram dia itu muncul bukan daripada nampak hantu, tetapi daripada kisah ‘Congkak’ itu sendiri. *So* [jadi], filem ini juga dibawa ke minggu filem festival di London pada tahun itu. Di bawa ke London untuk ditayangkan di panggung Covent Garden di London. Jadi, saya rasa itu satu dia kelebihan dia kerana kita membawa *scenery* [suasana] di Malaysia dan juga satu alat permainan tradisional, kita bawa ke muka dunia lah tengok dalam filem ‘Congkak’ tu [itu].
- MH** : **Apakah perasaan encik ketika itu?**

RK : Saya rasa bangga dan saya seronok dapat berkongsi dengan masyarakat luar terutamanya masa itu di UK [United Kingdom] banyak warga-warga asing semua diaorang [mereka] teruja dengan filem tu [itu] bukan kerana kisah seram itu, tetapi kerana elemen-elemen yang digunakan di dalam filem itu. Contohnya macam permainan congkak itu. Itulah permainan tradisional kita dan juga *scenery* [suasana] maksudnya permandangan, lokasi penggambaran yang kita lakukan itu di Malaysia. Jadi itu yang kita bawa untuk ke luar Negara.

MH : **Encik melakonkan watak Khazman dalam filem 'Congkak', apakah peranan watak tersebut?**

RK : Watak itu sebagai seorang ayah yang pergi bawa *family* [keluarga], isteri dan anak-anak dia bercuti tetapi sebenarnya dia pergi bercuti silap [tersilap] rumah. Macam mana boleh tersilap rumah (ketawa) mungkin dia tidak perasan, itu khilaf daripada manusia itu sendiri, kita tidak perasan mungkin banyak elemen-elemen seram yang muncul. *So* [jadi], baru ni [kebelakangan ini] saya pun [juga] ada berkongsi balik pengalaman seram itu di dalam salah satu *Youtuber* [pengguna aplikasi *YouTube*] di Malaysia ini, *one of the* [salah seorang daripada] *Youtuber* [pengguna aplikasi *YouTube*] kisah seram, saya ada berkongsi balik filem 'Congkak' sebab filem itu ramai orang tengok pun dia rasa pun [juga] ada rasa seram dia walaupun tengok sekarang ini setelah 2008.

MH : **Siapakah pengarah dan penerbit filem 'Congkak'?**

- RK : Pengarah adalah Ahmad Idham Nazri, dan penerbit adalah David Teo daripada Metrowealth [syarikat penerbitan filem].
- MH : **Siapakah rakan artis yang terlibat bersama encik dalam menjayakan filem tersebut?**
- RK : RK: Yang jadi isteri saya Nanu Baharuddin, arwah M. Rajoli, Makmah [Ruminah Sidek] dan Erin Malek menjadi anak saya dengan Izurin [Erynne Erynna].
- MH : **Seperti yang diketahui filem tersebut merupakan filem genre seram, apakah cabaran yang encik hadapi untuk melakonkan watak dalam filem tersebut?**
- RK : RK: Bila dah [sudah] bawa watak seram itu dia memang seram sebab keadaan disitu seram, kita lakonkan pun [juga] dalam suasana seram, tempat tu [itu] pun [juga] seram. Jadi, dia tak payah [tidak perlu] nak menjiwai watak, sampai dekat *set* [lokasi] itu dah seram (ketawa). Jadi, itu kelebihan dia, tempat itu memang seram, kita lakonkan watak seram itu dia jadi *automatic* [automatik] seram lah.
- MH : **Dimanakah penggambaran filem itu berlangsung?**
- RK : Di Perlis [Kedah].
- MH : **Apakah peristiwa yang encik tidak dapat lupakan sepanjang menjayakan filem ‘Congkak’ tersebut dan mengapa?**
- RK : (mengeluh)

Nak [perlu] cerita juga dekat sini. *Okay* [baiklah], filem itu yang saya tak [tidak] lupakan semasa penggambaran itu ada satu *scene* [babak] dimana *scene* [babak] dekat hujung itu, masa *scene* [babak] arwah M. Rajoli sebagai ustaz yang datang nak [ingin] membantu semasa kejadian munculnya hantu [itu]. Jadi, yang saya tidak lupa sebab dengar satu bunyi yang orang lain tak [tidak] dengar, saya dengar. Dekat kawasan itu belakang hutan itu adalah *border* [sempadan] kepada Malaysia Thailand. Jadi, saya tengok orang lain tidak dengar apa-apa. Yang saya dengar macam ada keramaian, ada bergendang, ada muzik semua tapi -- jadi, saya rasa benda satu yang pelik. Tapi bila benda pelik-pelik ini, kita duduk dekat dalam hutan itu jangan lah kita tegur. *So* [jadi], tidak tegur dan bila saya balik ke *hotel* [tempat penginapan] selepas habis penggambaran tu [itu] ada juga *assistant director* [pembantu pengarah] masa itu dia pun [juga] dengar benda yang sama, dan dalam keadaan *shooting* [penggambaran] itu agak terkesan kepada arwah M. Rajoli ketika itu sebab dia sendiri *pun* [juga] nak [hendak] melepaskan ayat-ayat al-quran pun [juga] dia tidak boleh lepas habis. Itu pengalaman lah masa itu dan ada juga pengalaman yang *crew* [krew] demam macam terkesan, macam tersampuk lah lebih kurang sepanjang penggambaran, sebab tempat itu memang seram sangat.

- MH** : *Okay* [baiklah], apakah kenangan manis encik yang tidak dapat lupakan sepanjang menayakan filem ‘Congkak’ tersebut?
- RK** : Pengalaman manis sepanjang itu saya rasa saya akan ingat sampai bila-bila sebab pengalaman yang kita sama-sama berlakon disitu dengan

daripada segi artis daripada segi pengarah semua itu satu pengalaman manis lah dia lebih kepada menjadikan kenangan kita bersama sebab filem itu pun [juga] salah satu filem boleh dikatakan filem yang mendapat sambutan hangat, filem seram ketika itu dan semenjak daripada hari itu pun [juga] rasanya semua pelakon filem ‘Congkak’ itu semua saya tak [tidak] jumpa sampai hari ini. *Okay* [baik] lah arwah dah [sudah] meninggal dunia, arwah M.Rajoli tapi [tetapi] macam menjadi anak-anak saya pun [juga] saya tidak pernah jumpa, yang jadi isteri saya pun [juga] Nanu Baharuddin pun [juga] saya tidak pernah jumpa sebab diaorang [mereka] dah tak [sudah tidak] aktif dalam bidang seni. Tapi [tetapi] jadi kenangan lah walau tidak jumpa tapi kita ingat dan filem itu masih lagi ditayangkan, baru-baru ini ada lagi [masih lagi] ditayangkan lagi banyak juga di dalam *Youtube, clip-clip* [klip] yang dimuat turun untuk filem ‘Congkak’.

MH : Selain daripada filem ‘Congkak’, apakah filem seram yang pernah encik bintangi?

RK : Filem ‘Santau’, filem ‘Santau’ itu filem seram yang saya buat lah filem ‘Santau’ yang betul-betul *horror* [seram] *genre* [jenis], filem ‘Santau’.

MH : Pada tahun bilakah filem ‘Santau’ ditayangkan?

RK : Kalau tak [tidak] silap saya, ‘Santau’ ditayangkan 2010.

MH : Dimanakah penggambaran filem ‘Santau’ dilangsungkan?

RK : RK: Filem ‘Santau’ di KL [Kuala Lumpur] je [sahaja].

- MH** : Boleh encik ceritakan sedikit kisah disebalik filem ‘Santau’ tersebut?
- RK** : Filem ‘Santau’ kisah dia kisah pasal [mengenai] -- Filem ‘Santau’ ini kisah dia mengenai sahabat -- kejiranan dia tidak puas hati dengan jiran dia sebelah rumah. Jadi, dia santau dan ini lebih menunjukkan kepada tabiat buruk yang berlaku dalam masyarakat melayu. Jadi, pengarang pada masa tu [itu] nak [ingin] menonjolkan keadaan masyarakat melayu lah. Masyarakat melayu dalam menggunakan elemen-elemen santau [sihir] ini Jadi, dia tunjukkan dalam cerita itu lebih kepada banyak *twist* [alur] *plot* [jalan cerita] dimana orang tidak tahu siapa yang menyantau [menyihir] sebenarnya. Dalam cerita itu saya lah yang tukang santau [orang yang menyantau] dia. Tetapi dalam cerita itu nampak saya baik, orang semua tidak perasan lah rupanya yang baik ini sebenarnya tak [tidak] baik.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: PERKEMBANGAN TERKINI

- MH** : **Sekarang kita bergerak ke soalan yang berkaitan perkembangan terkini. Adakah encik masih lagi aktif berlakon sekarang?**
- RK** : Masih lagi, dan saya pun [juga] ada kalau cerita pasal *genre* [kisah] seram ini ada filem baru yang belum lagi ditayangkan mungkin—tidak pasti sama ada ditayangkan dipanggung ataupun di ‘Astro First’ iaitu filem yang bertajuk ‘Syif Malam’. Dia malam sahaja *shift* [syif] malam sahaja. Kisah dia berlaku di pejabat. Itu cerita seram.
- MH** : **Adakah umur menjadi penghalang untuk encik bergiat aktif dalam bidang lakonan?**
- RK** : Tidak sama sekali, sebab dalam lakonan ni [ini] dia umur ni [ini] akan menentukan perwatakan. Jadi, penglibatan tu [itu] takde [tiada] *effect* [kesan] tetapi dia akan *effect* [kesan] daripada segi perwatakan. Maknanya kalau dulu [dahulu] saya *hero* [wira], sekarang ini saya bapak [ketua] *hero* [wira] (ketawa) sebab sudah berumur, sebab Malaysia takde [tidak ada] buat cerita *hero-hero* [wira] yang dah [sudah] -- macam saya ini sudah *five series* [lima siri].
- MH** : **Sekarang ini, adakah encik sedang berlakon? Apakah nama drama atau filem tersebut?**
- RK** : Sekarang ini takde [tidak ada]. Saya baru habis je [sahaja], kebetulan saya baru habis drama *episode* [episod] ‘Ratu Tempe 2’ dan juga ‘Syif Malam’. Selepas itu saya berehat sebab saya bulan puasa, bulan raya memang saya tak [tidak] berlakon dan bulan ini saya ada *offer* [tawaran]

tapi [tetapi] saya tidak berapa berminat dengan watak. Jadi, saya terpaksa tolak. *So* [jadi], saya sekarang ini lebih kepada memilih watak, bukan saya lakonkan - - - apa sahaja watak saya boleh lakonkan, tetapi saya lebih menekankan watak-watak yang impak [kesan] dia kelainan sebab saya tahu peminat saya, penonton diluar sana nak [ingin] tengok satu kelainan tetapi kalau watak itu sama saya tidak akan ambik [ambil] walaupun saya boleh bawa dengan cara yang lain tetapi saya rasa saya nak munculkan diri saya dengan watak-watak yang orang lain tidak pernah tengok, mungkin penonton tak [tidak] pernah tengok.

MH : Selain daripada kerjaya dalam bidang lakonan, apakah yang encik lakukan pada masa kini? Adakah encik berniaga?

RK : Ya [betul], saya ada saya punya perniagaan sendiri. Sekarang ini saya ada meniaga, saya jual kopi. Saya jual kopi dan saya mengajar buat kopi. Saya pengajar *barista* [pembuat kopi]. Saya *coffee barista* [pembuat kopi], saya ada *own* [miliki] produk saya sendiri nama *brand* [jenama] saya 'Kedai Kuppi'.

MH : Macam mana encik boleh tercetusnya *idea* [cadangan] untuk menceburi bidang perniagaan?

RK : *Okay* [baiklah], saya tercetusnya (batuk) kerana saya salah seorang *motivator* [penceramah] dan juga tenaga pengajar kepada usahawan-usahawan melayu terutamanya usahawan di MARA [Majlis Amanah Rakyat] sebelum ini. Jadi, saya banyak sebenarnya bantu isteri saya. Dalam bantu-membantu -- dia mengajar jadi, saya datang minat juga lah.

Memang daripada dulu saya sudah meniaga, saya ada macam meniaga lebih kepada perniagaan F&B [*Food and Beverage*], saya ada restoran sebab saya boleh masak. Jadi, (berdehem) kat situ [dari situ] saya mula berjinak-jinak meniaga produk dulu lah produk-produk F&B [*Food and Beverage*]. Tetapi kini saya cuma *focus* [memberi tumpuan] kepada menjual saya punya produk kopi saya sendiri lah.

MH : Adakah encik berhasrat untuk bersara dalam bidang lakonan?

RK : Ya? [tidak dengar]

MH : (ulangan soalan) Adakah encik berhasrat untuk bersara dalam bidang lakonan?

: Bersara mungkin takde [tidak ada] dalam kamus diri saya sendiri, kamus dalam dunia seni saya tidak ada matlamat bersara. Selagi saya diperlukan dalam industri perfileman, saya akan teruskan. Cuma saya akan memilih watak-watak yang lebih bersesuaian dan watak-watak yang berkelainan. Saya tidak akan bersara, inshaAllah.

MH : Apakah yang mendorong encik untuk terus bersemangat bagi meneruskan bidang lakonan?

RK : Teruskan bersemangat sebab saya rasa itu dah [sudah] menjadi jiwa dan darah daging saya dan saya nak [ingin] memberikan kepada pelapis-pelapis baru menjadikan saya sebagai mentor atau pun [juga] idola untuk diaorang [mereka] -- menjadikan satu *guidance* [bimbingan], *guidance for the newcomer* [bimbingan untuk pendatang baru]. Untuk pada

pendatang baru menjadikan saya ini jadi *guidance* [bimbingan]. Jadi, sebab itu yang saya nak [ingin] teruskan lakonan. Bila saya berlakon, dengan pelakon-pelakon baru, diaorang [mereka] tanya -- saya suka berkongsi ilmu-ilmu yang saya ada, ilmu-ilmu lakonan yang saya ada, saya akan kongsi kepada pelakon-pelakon baru inshaAllah (berdeham).

MH : Adakah encik memmpunyai akaun media sosial seperti *Facebook* atau pun [juga] *Instagram* untuk peminat mengikuti perkembangan encik?

RK : Riezman: Ya, saya ada *Instagram*, saya ada *Facebook*, saya ada *Tiktok*. Tetapi, sekarang ini yang paling saya aktif adalah di *Tiktok* Setiap hari saya akan *live* [bersiaran langsung] di *Tiktok* dua [2] jam sehari. Sebab saya *official host* [hos rasmi] (ketawa). So [jadi], setiap hari *live* [bersiaran langsung] dan *content* [kandungan] saya lebih kepada *content* [kandungan] macam saya cakap tadi, saya mengajar pasal [mengenai] kopi, ilmu kopi sebab ilmu kopi ini luas saya pun [juga] masih lagi dalam pembelajaran. Ilmu kopi maksudnya dalam mengenal biji kopi, mengenal teknik-teknik menggunakan semua peralatan kopi dan juga nak [ingin] jadi seorang *barista* [pembuat kopi] sebab *barista* [pembuat kopi] adalah satu *carier* [kerjaya] sebab sekarang saya mula nak membawa dalam perniagaan saya nak membawa rakyat Malaysia khasnya untuk mula menceburi dalam bidang *barista* [pembuat kopi] ini sebab *barista* [pembuat kopi] ini dah [sudah] jadi *career* [kerjaya]. Itu salah satu lah dan saya buat *content* [kandungan] masak juga kat dalam [di dalam]

Tiktok itu jadi saya selalu masak. *So* [jadi], orang selalu masuk *Tiktok* selalu tanya, “hari ini masak apa?”, sebab saya suka masak, suka *share* [berkongsi] dan inshaAllah, perancangan saya seterusnya mungkin bulan depan [bulan hadapan] saya akan pusing satu Malaysia untuk buat *content* [kandungan] masakan saya di dalam saya punya *Youtube Channel* [laman *YouTube*], *content* [kandungan] masakan bersama orang di luar sana dan masa masak tu [itu] buat *Youtube content* [kandungan *YouTube*] saya dan saya juga *live* [bersiaran langsung] *Tiktok* masa itu sebab saya nak [ingin] membantu orang diluar terutama usahawan untuk *promote* [mempromosikan] diaorang [mereka] punya *business* [perniagaan]. Kalau kata dia [peniaga] ada restoran, saya pergi restoran masak dekat restoran dia. Tetapi orang boleh tengok dekat *live* [siaran langsung].

MH : Biasanya, encik *live* [bersiaran langsung] pada pukul berapa?

RK : Selalunya saya *live* [bersiaran langsung] tengah hari, petang atau malam. Saya tengok keadaan masa. Jadi, masa saya *flexible* [fleksibel]. Jadi, diaorang [mereka] selalunya macam petang itu antara pukul 5 [lima] sehingga pukul 7 [tujuh] atau pun [juga] kalau tengah hari antara pukul 11 [sebelas] sehingga pukul 1 [satu] dan kalau malam itu lebih kepada santai lah kalau takde [tidak ada] *content* [kandungan] sangat lah, malam tu [itu] antara pukul 10 [sepuluh] sampai [sehingga] pukul 12 [dua belas]. Itu antara yang *time* [waktu] yang saya selalu muncul.

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8: PENDAPAT DAN PANDANGAN

MH : Sekarang kita bergerak kepada soalan berkenaan pendapat dan pandangan encik. Apakah pandangan encik mengenai bidang lakonan ketika ini? Adakah ianya berbeza dengan zaman dahulu?

RK : Kalau daripada segi lakonan, berbeza saya rasa lebih banyak lagi *method* [kaedah] maksudnya kalau sekarang ini kita banyak lagi peluang sebab kita dah [sudah] tengok daripada filem-filem luar, kita banyak terdedah kepada filem-filem luar yang menggunakan teknik-teknik dalam filem, dalam drama yang lebih bagus, saya rasa kalau *compare* [banding], kita dibandingkan dengan yang sebelum ini yang dulu-dulu [dahulu] itu mungkin ada kurangnya, sekarang ini banyak kelebihannya sebab kita dah [sudah] ada macam saya cakap tadi *guidance* [panduan], kita dah [sudah] ada *module-module* [modul] yang kita boleh buat *homework* [kerja] di dalam filem-filem luar ini dapat kita bawa ke dalam filem kita [tempatan]. Benda itu pasti akan memberi satu impak [kesan] yang lebih berkesan daripada dulu [zaman dahulu]. Contohnya, kalau filem 'Congkak' dibuat semula mungkin akan lebih bagus sebab kita dah [pernah] dapat tengok dah [sudah] keadaan masa itu mungkin teknik peralatan dan teknik lakonan sendiri pun [juga], pengalaman mungkin akan mengubah dan menjadikan lebih baik.

MH : Apakah pandangan encik mengenai generasi baru yang terlibat dalam bidang lakonan pada masa kini?

RK : Generasi baru yang terlibat dalam masa kini itu amat bagus sebab akan muncul lagi ramai pelapis. Tetapi dekat sini saya *ambik* [ambil]

kesempatan untuk menekankan supaya jangan jadikan ianya sebagai satu *platform* [dasar] untuk *glamour* [populariti] tetapi lebih kepada pengisian. Biar berisi, daripada *glamour* [populariti] sebab saya juga ada berlakon dengan pelakon-pelakon baru, tetapi kurang kat situ [dekat situ] tetapi saya takde [tidak ada] masalah saya selalu bagi [memberi] nasihat sebab bila kita jangan apa ni menggunakan *glamour* [tarikan] itu untuk kita terus sebab dia tidak akan bertahan lama sebab kita nak kan [inginkan] jiwa itu. Kalau dalam dunia filem ini kita nak kan [inginkan] roh watak itu muncul bukannya kalau *glamour* [tarikan] tiba-tiba dari segi lakonan dia tak kemana [tidak akan ke mana]. So [jadi], dia tidak akan pergi jauh.

MH : Baiklah, pada pendapat encik apakah persiapan penting yang perlu dilakukan oleh seseorang yang ingin menceburi bidang lakonan?

RK : Persiapan dia sebenarnya jiwa dan mental lah, jiwa dan mental itu kena [perlu] sebab bukan senang untuk nak [ingin] jadi pelakon ini, dia bukan senang macam mana, bukan senangnya macam -- *okay* [baiklah] *you* [awak] boleh jadi-- *you* [awak] boleh berlakon, berlakon ini satu produk dan produk itu bila kita kata mengenai produk diri saya sebab itu orang cakap saya jual diri saya, saya tahu saya ini produk saya, Riezman Khuzaimi. *Okay* [baiklah] saya itu produk, saya nak [ingin] tahu produk ini bagus atau tak [tidak] bagus, kita kena *sustain* [berterusan]. So [jadi], bila dalam *business* [perniagaan] adalah -- sebab lakonan ini pun [juga] satu *business* [perniagaan] jadi orang kata salah satu *business* [perniagaan] saya adalah lakonan. Orang nak beli saya untuk letak dalam

filem dia. Jadi, *sustainability* [kebertahanan] kita dalam industri itu yang paling penting. Jadi, untuk bertahan itu kita kena [perlu] ada secukupnya, *branding* [jenamakan] kita, kita kena jaga. Kalau satu produk itu kita kena jaga *brand* [jenama], kita kena jaga *packaging* [bungkusan]. Jadi, dalam lakonan kita kena jaga perwatakan kita, kemunculan kita, hasil kerja kita tu [itu] mesti lah berjiwa, ada roh. Kalau setakat biasa sahaja dia takkan [tidak akan] bertahan lama. *So* [jadi], yang tu yang nama dia meletop-letop-letop [popular] selepas itu senyap. Jadi, dia tidak *sustain* [bertahan], dia tidak boleh bertahan 20 [dua puluh], 30 [tiga puluh], 40 [empat puluh] tahun dalam industri itu yang paling penting.

MH : **Sebagai seorang artis profesional, apakah elemen-elemen yang perlu ditekankan ketika mendalami sesuatu watak lakonan?**

RK : *Okay* [baiklah], yang perlu ditekankan sebenarnya mendalami watak itu sebab kita kena *create* [cipta] sebab kita tidak boleh menghafal. Contohnya, bila kita menghafal, kita akan jadi - - - pergerakan kita sebenarnya akan kaku. Saya dah [sudah] mencuba, kalau saya hafal saya punya *movement* [pergerakan] dia akan tak [tidak] *natural* [semulajadi] dia akan lebih kaku. Jadi, kita kena menjiwai. Kalau menjiwai itu, dia akan *automatic* [automatik] nampak, bukan nampak kita akan jadi *natural* [semulajadi]. Sebab itu, bila kita menjiwai itu kita *paham* [faham] apa watak kita itu sendiri. Jadi, yang paling penting dia berpatah balik kita kena buat *homework* [kerja] dulu [terlebih dahulu]. Jadi, *homework* [kerja] itu kita kena [perlu] macam saya ada cakap tadi awal

tadi kita akan jadikan watak itu - - - contohnya, kalau watak itu, seorang doktor, apa dia punya tabiat?. So [jadi], dia dalam kehidupan dia, dia ada tabiat, setiap manusia ada tabiat. Jadi, tabiat itu yang akan menentukan pergerakan watak itu sendiri. Jadi, bila dah [sudah] menjiwai itu, setiap masa, setiap hari yang kita itu - - - kita cuba bawa watak dia mungkin watak, tabiat, *gesture* [pergerakan] itu penting - - - cakap-cakap dia garu [menggaru] kening dia contohnya. So [jadi], sepanjang cerita itu dia dah [sudah] jadi kebiasaan. Bila dia dah [sudah] menjiwai, dia jadi kebiasaan, bila dia dah [sudah] jadi biasa, *script* [skrip] itu dia bukan hafal sebab bila kita hafal kita mula nak [ingin] mengingat, bila kita nak [ingin] mengingat, otak kita kiri dan kanan ini akan jadi *clash* [bertembung]. Jadi, kita patutnya [sepatutnya] kita nak [ingin] pegang cawan itu tetapi kita nak ingat *dialogue* [dialog] - - - nanti kang [akan] *you* [awak] akan terlepas, *you* [awak] akan terlupa dah [sudah] pegang cawan tu [itu]. Sebab nak [ingin] ingatkan *dialogue* [dialog]. Tetapi kalau kita dah [sudah] memang jiwai, kita nak [ingin] bercakap – terus kita bercakap kita boleh pegang, kita nak [ingin] potong bawang, kita boleh potong bawang terus sambil bercakap. Jadi, dia boleh jalan serentak. Itu yang paling penting lah itu kena menjiwai watak itu kena buat *homework* [belajar] walaupun watak itu *simple* [mudah], pernah orang panggil saya walau [walaupun] kemunculan saya dua *scene* [babak], tetapi saya dah [sudah] susun watak itu saya nak [ingin] bawa macam mana, kemunculan itu macam mana kita *create* [cipta] benda itu.

- MH** : Apakah nasihat yang ingin encik sampaikan kepada orang muda yang ingin menceburi industri kreatif?
- RK** : Kepada mereka-mereka yang muda di sana, di luar sana, industri kreatif ni [ini] sebab tu [itu] dia panggil kreatif, *you* [awak] pun [juga] otak kena [perlu] kreatif. Mungkin ada yang *gifted* [berbakat] pemberian Allah S.W.T tetapi kepada yang nak [hendak] menceburi itu [industri kreatif] jiwa kena terbuka, kita kena ikhlas sebab bidang seni ni [ini] dia [industri kreatif] lain sebab seni lebih kepada jiwa, sensitif walaupun *you* [awak] kerja *you* [awak] buat *prop*, *you* [awak] jaga *propping* [alat-alat penyediaan filem], *you* [awak] *makeup* [bersolek], *assistant director* [pembantu pengarah] semua berkait rapat dengan jiwa. Dia bukan kerja yang *you* [awak] kerja sebagai kerja pembuatan macam engineer, *you* [awak] kerja tukang buat roti ke semua dia kerja tapi [tetapi] yang ini dia ada jiwa jadi, *you* [awak] kena betul-betul - - - dia kerja yang bukan - - - satu *word* [perkataan] yang saya nak [hendak] cakap, kerja yang bukan ada *skill time* [kemahiran masa]. Sebab bila [apabila] kerja seni kreatif ini dia 24 [dua puluh empat] jam. Sama ada *you* [awak] kreatif dalam - - - contohnya macam saya tadi lebih kepada lakonan tapi [tetapi] *you* [awak] duduk belakang takbir jadi *prop* [penjaga peralatan lakonan], *art department* [jabatan seni], bila *art department* [jabatan seni] nak [hendak] menghias rumah, tempat semua memerlukan masa dan takde [tidak ada] *limit* [had] *you* [awak] bukan kerja *office* [pejabat] 9 [Sembilan] 5 [sampai lima]. *So* [jadi], bersiap sedia untuk jiwa *you* [awak] untuk dalam - - - kreatif ini dua puluh empat [24] jam. Dia takde [tidak ada] habis pukul 5 [lima] *stop* [berhenti] dah [sudah] tak [tidak]

kreatif. Dia kreatif dua puluh empat [24] jam kalau boleh dengan tidur pun [juga] otak jalan apa nak [hendak] buat.

MH : Dengan kemasukan filem-filem daripada luar terutamanya *Hollywood*, industri perfileman terpaksa bergelut untuk merebut perhatian ramai memandangkan warga Malaysia lebih menggemari filem daripada produksi luar berbanding tempatan. Pada pendapat encik, apakah yang perlu dilakukan oleh penerbit filem bagi menarik minat khalayak untuk terus menyokong filem tempatan?

Okay [baiklah] filem luar tu [itu] kita tak [tidak] boleh nak [hendak] tahan satu dunia dia [filem luar Negara] pergi tetapi penerbit kita [penerbit tempatan] disini kena [perlu] menghasilkan filem memberi impak [kesan] kepada penonton. Saya sendiri sebagai penggiat seni ada jugak [juga] filem yang saya tak [tidak] pergi tengok sebab filem itu tak [tidak] dapat dia takde [tidak ada] USP [Unique Selling Points] korang [kamu] tahu tak [tidak] USP tu [itu] apa?, *Unique Selling Points*. Jadi, bila *you* [awak] buat filem ni [ini] *you* [awak] nak [ingin] meniaga nak [ingin] suruh orang beli jual tiket jadi, apa *you* [awak] nak [hendak] jual. Jadi, sekarang banyak penerbit dia buat ikut sendiri syok [berangan] sendiri tengok sendiri lah. Jadi sebab kita nakkan [inginkan] apa rakyat Malaysia khususnya, diaorang [mereka] nak inginkan] cerita macam mana. Jadi kita buat apa yang diaorang [mereka] nak [inginkan], bukan yang kita nak [inginkan]. Jadi sebagai *producer* [penerbit], saya pun [juga] *producer* [penerbit] jugak [juga], saya masih aktif lah *producer* [menerbit] jugak [juga] cuma belum lagi sebab pandemik saya *slow* [perlahan] lah tengah

- - - InshaAllah saya akan menghasilkan filem juga yang akan datang. Saya nak [ingin] menghasilkan apa yang diluar sana nak [inginkan] itu yang saya buat. Kalau diaorang [mereka] kata nak [ingin] cerita hantu saya akan bagi cerita hantu yang saya sendiri kena [perlu] pergi jumpa hantu tu [itu] dulu [terlebih dahulu] baru saya nak [mahu] buat. Tak [tidak], serius [benar-benar] ini orang semua macam gelak biar betul sebab kita tak nak [tidak mahu] lagi buat - - - bagi saya lah saya tak nak [tidak mahu] lagi buat filem - - - kalau saya buat cerita hantu tapi [tetapi] saya tidak takut, saya nak [mahu] kasi [membuat] orang je [sahaja] takut, saya tak nak [tidak mahu], kali ini saya pun [juga] takut. Itu yang saya tengah mencari itu InshaAllah saya akan sampai ke Kota Bharu juga saya dah [sudah] ada buat *appointment* [temujanji] dengan orang dekat sana [disana] untuk dapat kisah sebenar, itu yang saya nak [ingin] buat benda itu. Jadi, kepada penerbit sekarang ini seboleh-bolehnya keluarkan filem-filem yang memberi impak. Yang saya boleh nampak saya amat teruja dengan Syamsul Yusof [pengarah dan penerbit filem tempatan], dan saya pun [juga] tak [tidak] pernah lagi dapat berlakon dibawah arahan dia, dan saya mengharap sangat pun [juga] saya nak [ingin] berlakon bawah arahan dia, dia seorang pengarah muda yang berkarisma, berkaliber [cekap berfikir] untuk menaikkan filem-filem yang lebih baik, lebih mantap dan itu yang orang nak [inginkan] dan sekarang ini filem 'Mat Kilau' orang sendiri nampak kita pun [juga] jarang tengok *collection* [koleksi] tapi [tetapi] kita tengok duit yang kita bayar masuk panggung itu kita keluar rasa tak [tidak] puas satu, dan kita dapat rasa kita yang dalam filem tu. Itu yang saya nak [mahu] buat filem yang

macam itu jadi be - - - itu akan menaikkan martabat filem tanah air,
InshaAllah.

TAMAT BAHAGIAN 8

BAHAGIAN 9: HARAPAN

MH : **Apakah harapan encik terhadap industri tanah air?**

RK : Harapan saya, (ketawa) saya mengharapkan industri ni [ini] akan pergi lebih jauh dengan bangkitnya, munculnya, pelapis-pelapis, pemain-pemain [pelakon] baru dalam industri tanah air. Saya harap dia [industri tanah air] akan pergi lebih jauh lagi dan filem-filem sejarah sekarang pun [juga] banyak dah [sudah] ada, filem-filem biografi [riwayat hidup seseorang]. So [jadi], mungkin ada selingan disitu untuk filem-filem yang komedi [lucu], filem-filem seram semua, itu semua selingan tetapi kita ketengahkan supaya kita dapat memartabatkan filem kita ini dengan budaya kita, itu yang paling penting sebab kita nak [mahu] bawak [bawa] keluar, kita nak [ingin] tahu orang tahu Malaysia ni [ini]. Jadi kita kena [harus] buat filem itu jangan kita buat boleh ke kata balik-balik cerita cinta. Tak [tidak] salah cerita cinta tapi [tetapi] cinta tu [itu] banyak cinta kita boleh tengok filem-filem luar. Contohnya, semasa zaman saya dulu [zaman dahulu] saya tengok 'Top Gun' dan Top Gun' yang baru tetapi apa yang dia nak [ingin] bawak [bawa] dekat situ, semangat. Dia nak [mahu] jual semangat, orang tengok ada semangat. Jadi, dekat sini kita kena [perlu] teruskan kita nak [ingin] jual semangat tak [tidak] kira lah semangat apa pun [juga] buat lah cerita cinta takpe [tidak mengapa] tapi [tetapi] biar ada dekat situ [disitu] memartabatkan kita [tempatan] punya cinta kepada - - - jangan lah kita asyik [seringkali] cerita untuk *couple* [pasangan] je [sahaja] kita boleh buat cinta kepada Negara. Contoh macam 'Mat Kilau', boleh rasa kat [dekat] dalam itu, itu lah impak dia yang kita semangat - - - semangat melayu. Jadi kat [dekat] situ kita nak

[hendak] - - - *okay* [baiklah] untuk filem ni 'Mat Kilau' bawa semangat Melayu dan ada benda-benda lain yang kita boleh bawa kalau katakan cerita hantu *so* [jadi], orang mungkin nak [ingin] *release stress* [tekanan], cerita komedi orang nak *release* [lepaskan] *stress* [tekanan]. Jadi, *you* [awak] bawa biar betul-betul berbaloi, orang bayar dia dapat kepuasan daripada yang dia bayar walaupun dia bayar 20 ringgit [RM20] duit tiket tu. 20 ringgit [RM20] itu kepuasan dia, dia dapat tengok filem itu dalam masa yang sama filem itu akan disebut, apabila dia disebut dia akan berkembang, bila [apabila] berkembang itu akan naikkan taraf dan martabat filem itu sendiri.

MH : Apakah harapan encik terhadap Negara dan masyarakat pada masa kini dalam menghargai artis veteran?

RK : Mereka [masyarat] dekat sini [Malaysia] memang dia menghargai artis lama, artis veteran, seniman semua, memang masih lagi dia menghargai, memang sentiasa menghargai. Cuma, dia berpatah balik kepada berkait rapat dengan saya cakap tadi bukan dia tak [tidak] menghargai daripada segi hargai tu [itu] hargai, tapi [tetapi] *system* [sistem] dia berpatah balik dekat Malaysia ni [ini], lagi veteran, lagi murah, dia terbalik. Jadi, itu ialah - - - saya mengharapkan pihak kerajaan kena memikirkan sebab kerajaan yang menentukan TV *station* [stesen Televisyen] akan tentukan, producer akan tentukan. Jadi, itu lah dia. Itu agak – satu benda yang berat. Ibaratnya benda yang beratnya kerugian kepada untuk kita menghasilkan cerita-cerita yang lebih baik. Contohnya, saya beri [bagi] dekat sini, diaorang [mereka] panggil saya

tapi tak [tidak] boleh bayar harga saya, saya takkan [tidak akan] berlakon. Jadi, dia letak orang yang dia boleh bayar pelakon lain atau pun [juga] pelakon baru boleh bayar dia bayar itu orang tu [itu] ambik [ambil] tapi [tetapi] orang itu tidak boleh melakonkan watak itu sebagaimana saya lakonkan disebabkan oleh pengalaman saya akan lebih menarik watak itu. Jadi, *its like if you pay peanuts you get monkeys* [ungkapan bahasa inggeris]. Jadi, *you* [awak] bayar sikit *you* [awak] dapat terus sebab macam saya sendiri kalau bagi contohnya harga saya, seratus ringgit [RM100], saya – dia nak lima puluh ringgit [RM50], saya takkan [tidak akan] bagi lah. Minta maaf cari orang lain sebab saya punya harga RM100 tetapi kalau *you* [awak] bayar saya seratus ringgit [RM100], saya bagi selalunya seratus 50 [lima puluh] ke [sehingga] 200 [dua ratus] lakonan saya. Tetapi kalau you nak [hendak] bawa -- jadi, ini adalah satu sebab musabab yang kadang-kadang kita tengok kenapa filem kita takde [tidak ada] kualiti, sebab terlalu nak [mahu] fikirkan bajet dulu [terlebih dahulu]. Kita nak [hendak] fikir bajet sebab itu tadi, bila *you* [awak] tanya pasal [mengenai] apa persediaan kalau sebuah filem, saya ada sebut bajet tak [tidak]? bajet itu dibelakang. Kita susun dulu [terlebih dahulu], kalau tak [tidak] cukup kita kena cari kasi [bagi] cukup, baru [seterusnya] kita buat baru dapat filem bagus kalau tidak takkan [tidak akan] dapat lah. Kalau fikir kita ada seribu ringgit [RM1000], tapi [tetapi] nak [ingin] macam-macam ingin semua yang meletop-letop you tak dapat. Tapi [tetapi] takpe [tidak mengapa] kita buat jugak, kita buat juga seribu ringgit [RM1000] ini tetapi dapat lah yang biasa-biasa punya berlakon. So [jadi], cerita itu tidak boleh hendak naik sebab bukan kata pelakon itu

tidak bagus tetapi mungkin dia belum cukup pengalaman untuk *carry* [bawa] watak itu melainkan kalau saya pun kalau orang *offer* [tawar] kalau watak itu saya rasa saya tidak boleh hendak bawa lagi, saya lebih suka kalau saya *recommend* [bagi cadangan], kenapa tidak panggil orang saya rasa mampu bawak [bawa] lagi. Jangan saya nakkan [menginginkan] *job* [pekerjaan] itu saya buat, saya tidak akan macam itu sebab saya tahu kang [nanti] saya tidak boleh boleh *carry* [bawa] ini. *So* [jadi], saya akan mengharapkan *director* [pengarah], saya akan mengharapkan *producer* [penerbit], dan *producer* [penerbit] juga tidak boleh jual nanti dia punya - - - *So* [jadi], kenapa yang kita nakkan [inginkan] benda itu, jadi benda itu kena fikir semua lah.

MH : Apakah harapan encik yang masih belum tercapai seapnjang menjadi seorang pelakon?

RK : Harapan yang belum tercapai saya takde [tidak ada] meletakkan apa-apa impian sebab saya akan terus berada dalam industri ini dan terus memberi selagi saya mempunyai ilmu, selagi saya punya tenaga dalam industri perfileman Malaysia. Jadi, saya tak [tidak] mengharapkan apa-apa. Cuma saya harapkan perubahan yang lebih baik dalam menghasilkan filem. Jadi, itu berkait-rapat dengan saya sebut tadi itu bajet. Itu yang saya mengharapkan lah, harapan saya itu lah, daripada segi lakonan saya tidak harap apa-apa. Saya akan terus menyumbangkan tenaga, ilmu saya kepada industri.

MH : Apakah kata-kata akhir encik kepada para peminat di luar sana?

RK : Takde [tidak ada], kata-kata akhir saya, saya rasa saya lebih kepada menekankan kita *support* [menyokong] filem kita, industri perfileman Malaysia. Tanpa anda semua di luar sana kita takkan [tidak akan] pergi - - Negara-negara luar tetapi dengan anda [masyarakat tempatan] punya *support* [sokongan] itu jugak [juga] untuk memberi satu tindakan kepada *producer-producer* [penerbit] untuk membuat cerita-cerita yang lebih bagus. Jadi, anda di luar sana *support* [sokong], kita pun [juga] akan beri [bagi] yang terbaik. Jadi, dia *vise versa* [sebaliknya], dua-dua kita memerlukan bersama.

MH : **Apakah pencapaian yang ingin encik kecapai pada masa hadapan dalam industri seni hiburan ini?**

RK : Takde [tidak ada] apa yang saya nak [ingin] capai dekat [di] atas tu [itu] (bergurau dan ketawa). Takde [tidak ada], saya takde [tidak ada] apa yang saya nak [mahu] capai, saya cakap tadi saya cuma nak [ingin] teruskan berjuang dalam filem dan kegiatan seni saya, saya akan terus berjuang. Jadi, saya tak [tidak] mengharap untuk mencapai apa-apa, bukan orang kata nak [mahu] capai [mencapai] menang anugerah ke apa takde [tidak ada], cuma saya nak [ingin] capai [mencapai] matlamat saya untuk merubah budaya filem kita supaya pergi ke tingkat yang lebih tinggi, ke *level* [peringkat] *the next level* [peringkat seterusnya]. So [jadi], supaya kita ber--- sama taraf dengan filem-filem *Hollywood* [filem Amerika] dan *Bollywood* [filem India], InshaAllah.

TAMAT BAHAGIAN 9

Penutup: *[rakaman selepas temubual]*

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai latar belakang, pengalaman hidup dan sumbangan Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi sebagai seorang Seniman di Malaysia. Kami mengucapkan terima kasih atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan temubual ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang lakonan dan serba sedikit ilmu dalam bidang pengarah dan penerbitan kepada para penyelidik pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Mohd Rizman Mohd Khuzaimi, yang dilahirkan pada 1970, di Taiping, Perak. Temubual dijalankan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pelakon dan pengarah filem pada tahun 1995 sehingga kini.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/ RUJUKAN |
|-----------------------------------|---|---|
| BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG | | |
| 0.00 | Sesi memperkenalkan diri dan projek. | Muhammad Haziq Bin Abd Rahman Nur Ayu Nadhirah Binti Abu Bakar |
| 2.57 | Menceritakan mengenai latar belakang tokoh. | Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi Riezman Taiping, Perak Kuala, Lumpur Shah Alam Isteri Normaziah |
| 4.27 | Memberitahu nama ibu dan ayah tokoh. | Siti Fauziah binti Wan Sheikh Mohd Khuzaimi Abdul Aziz |

| | | |
|---------------------------------------|--|---|
| 5.01 | Menceritakan mengenai hobi atau aktiviti yang digemari dilakukan ketika waktu lapang | Permotoran Travel |
| 5.22 | Menceritakan rutin senaman dan diet pemakanan untuk kekal sihat. | Nasi Roti Sayuran Senaman Berbasikal Golfing |
| BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN | | |
| 6.02 | Memberitahu nama sekolah rendah, jarak dari rumah dan tahun tamat persekolahan rendah. | Sekolah Padang Tembak 15 Kilometer 1982 |
| 6.48 | Memberitahu nama sekolah menengah. | Sekolah Menengah Padang Tembak. |
| 6.58 | Menceritakan subjek kegemaran dan sebab minat subjek tersebut. | Sejarah Negara |
| 7.37 | Memberitahu lokasi Sekolah Padang Tembak. | Kuala Lumpur Jalan Padang Tembak |
| 8.08 | Memceritakan penyertaan kelab di sekolah menengah dan aktiviti yang gemar dilakukan. | Kadet Remaja Sekolah Kelab Sejarah |

| | | |
|----------------------------|---|--|
| | | Pemain Bola |
| 8.54 | Memberitahu nama rakan akrab ketika di sekolah menengah. | Jeffry |
| 9.13 | Menceritakan kata-kata nasihat guru yang tak dapat dilupakan sehingga kini. | Nasihat Guru Berguna 22 Tahun |
| 9.54 | Memberitahu guru yang tidak dapat dilupakan sehingga kini | Disiplin Ustaz Misran 2 Tahun 20 Tahun |
| BAHAGIAN 3: KERJAYA | | |
| 13.02 | Menceritakan kerjaya awal setelah tamat pengajian | Celcom Customer Services Tahun 95 |
| 14.24 | Menceritakan berapa lama telah bergiat aktif dalam bidang lakonan | Zaman Sekolah 16 Tahun Kamera Partime Fulltime |

| | | |
|-------|--|--|
| | | 1995 |
| 15.10 | Menceritakan bagaimana boleh terlibat dalam bidang lakonan. | Lakonan Iklan Drama Filem |
| 15.53 | Menceritakan pendorong utama dalam melibatkan diri dalam bidang lakonan. | Kakak Sulung Syirin Khuzaimi |
| 16.24 | Menceritakan bagaimana mempelajari untuk berlakon. | Kelas Tiada Pembelajaran Sendiri Video Filem School |
| 16.58 | Menceritakan berapa lama masa yang diambil untuk mahir dalam bidang lakonan. | Belajar Watak Method Acting Permainan Jiwa |
| 17.48 | Memberitahu tiada mentor yang membantu untuk mengasah bakat lakonan. | Filem Barat Hollywood Mentoring Teknik Lakonan |

| | | |
|-------|---|---|
| 18.17 | Memberitahu idola dalam bidang lakonan | Eman Manan |
| 18.40 | Menceritakan cabaran yang dihadapi sebelum menjadi pelakon. | Bapa Fulltime Gaji Career Shooting Menyindir Berkarisma |
| 22.12 | Menceritakan tentang filem pertama yang dibintangi. | K.L.U Universiti Kuala Lumpur Cameron Highland Mr. Chia |
| 23.23 | Menceritakan perasaan ketika pertama kali berada di kaca televisyen | Seronok Bukan Senang |
| 23.52 | Menceritakan watak yang sering di bintangi. | Korporat Antagonis Watak Jahat |
| 24.23 | Menceritakan watak yang paling mencabar dilakukan. | Bipolar Hot Temper |

| | | |
|-------|--|--|
| 25.07 | Menceritakan perkara yang dilakukan untuk mendalami sesuatu watak. | Create Majid Salasilah |
| 25.50 | Memberitahu watak yang ingin dicuba. | Bisu Buta Mencabar |
| 26.36 | Menceritakan masa yang diambil untuk mengingati sesebuah skrip | Cerekarama 1 Minggu Perjalanan |
| 27.15 | Memberitahu genre filem yang sering dibintangi. | Versatil |
| 27.48 | Memberitahu jumlah filem dan drama yang dibintangi. | 58 filem Beribu |
| 28.15 | Menceritakan mengenai filem luar negara yang dibintangi. | Hong Kong Skyline Cruisers 2003 Audition International Askar International |

| | | |
|-------|---|---|
| | | Jordan Chan Leon Lai Shu Qi |
| 30.33 | Menceritakan perasaan apabila terpilih untuk berlakon di dalam filem Skyline Cruisers | Takut Produksi International Pengalaman Baru |
| 31.12 | Memberitahu nama pengarah Skyline Cruisers | Hong Kong Famous Stephen Christian |
| 31.41 | Menceritakan perasaan berkerjasama dengan Mr. Stephen | Pengalaman Kongi Pegiat Seni Malaysia |
| 32.08 | Menceritakan filem yang meninggalkan impak yang besar. | Baik Punya Cilok Legend 2001 Gangster Masterpiece |

| | | |
|-------|--|--|
| 33.21 | Menceritakan pengalaman berlakon dalam pentas theatre. | <p>Baik Punya Cilok The Theater</p> <p>Baik Punya Cilok Muzikal</p> <p>2015</p> <p>Gugup</p> <p>Rehearsal</p> <p>Audience</p> <p>Ketar</p> <p>Momentum</p> <p>Dua bulan setengah</p> |
| 35.04 | Menceritakan bagaimana membahagikan masa antara kerjaya lakonan dan keluarga. | <p>Bercuti</p> <p>Pagi</p> <p>24 Jam</p> <p>Malam</p> <p>1 Bulan</p> <p>Seminggu</p> |
| 36.37 | Menceritakan memori dan peristiwa terindah sepanjang berkecimpung dalam bidang lakonan | <p>Waris Jari Hantu</p> <p>Azean Irdawaty</p> <p>Baik Punya Cilok</p> <p>Patah Hidung</p> <p>AC Mizal</p> |

| | | |
|-------|--|--|
| | | Babak Aksi Stuntman Rehearsal |
| 38.37 | Menceritakan bagaimana memulakan kerjaya sabagai seorang pengarah. | Jiwa Lakonan Mencuba Drama RTM Bukan Forte Restriction |
| 40.55 | Menceritakan tentang drama Dendam | RTM Den Wahab Shajiry Syirin Khuzaimi Double Director Mencari Cinta Rusdi Ramli Nora Danish |
| 42.09 | Menceritakan berkenaan filem Mencari Cinta | 2013 18 hari Percintaan |

| | | |
|-------|--|---|
| | | Bernikah 2 Darjat Miskin Jiwa |
| 44.04 | Menceritakan penerimaan peminat terhadap filem Mencari Cinta | Sistem Perfileman Malaysia 6 hari Iron Man 3 Hollywood Box office FINAS |
| 46.28 | Menceritakan cabaran ketika mengarah sesuatu filem. | Lokasi Pelakon Propping Kekangan Bajet |
| 47.30 | Menceritakan elemen-elemen penting dalam memilih seseorang untuk berlakon | Menjiwai watak Lebih Arif |
| 48.27 | Menceritakan mengenai proses yang diperlukan dalam penerbitan sebuah filem | Skrip Propping Location Bajet |

| | | |
|----------------------------|---|---|
| 49.30 | Menceritakan ciri-ciri penting dalam menghasilkan karya berkualiti | Subjektif Modal Effect CGI Seram Aksi |
| BAHAGIAN 4: CABARAN | | |
| 51.29 | Menceritakan cabaran-cabaran yang dihadapi ketika berlakon. | Masa Tempat |
| 52.26 | Menceritakan filem atau drama yang paling sukar dilakonkan | Watak Drama 'Disebalik Awan' Training Jatuh Helikopter |
| 54.30 | Menceritakan lokasi disebalik drama 'Disebalik Awan' | Kuala Lumpur Alor Star, Kedah Kuantan, Pahang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, Selangor |
| 55.10 | Menceritakan bidang manakah yang paling mencabar diantara menjadi seorang pengarah dan pelakon. | Bidang lakonan Watak |

| | | |
|--|---|--|
| 56.20 | Menceritakan cabaran yang dihadapi akibat penularan pandemik. | Tiada penggambaran |
| 57.07 | Menceritakan aktiviti yang dilakukan semasa penularan pandemik. | Chef |
| 57.40 | Menceritakan isu-isu yang dihadapi oleh artis veteran pada masa kini. | Isu harga seorang artis |
| BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH | | |
| 58.37 | Menyatakan status penerimaan Anugerah | Tiada |
| BAHAGIAN 6: SUMBANGAN | | |
| 58.51 | Menceritakan sumbangan di dalam filem 'Congkak' | Watak ayah kepada dua orang anak Merealiti seram |
| 1.00.00 | Menceritakan keistimewaan filem 'Congkak' | Minggu filem festival di London Ditayangkan di Covent Garden, London Scenary Malaysia Elemen alat permainan tradisional (Congkak) |
| 1.01.34 | Menceritakan perasaan filem 'Congkak' dibawa ke luar Negara. | Bangga dan seronok Berkongsi dengan |

| | | |
|---------|--|--|
| | | masyarakat luar (London) |
| 1.02.20 | Menceritakan watak Khazman didalam filem 'Congkak'. | Seorang ayah Family Pergi bercuti Salah rumah |
| 1.03.22 | Menyatakan pengarah dan penerbit filem 'Congkak'. | Ahmad Idham Nazri David Teo |
